



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DATUK HJ AB JALIL B. HJ LONG  
USAHAWAN JALEN SDN. BHD.**

**OLEH:**

|                                   |                   |
|-----------------------------------|-------------------|
| <b>NOOR LIYANA BINTI MOHD ZIN</b> | <b>2011395327</b> |
| <b>NOR AQUISSYA BINTI ZAINI</b>   | <b>2011570783</b> |

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DATUK HJ AB JALIL B. HJ LONG  
USAHAWAN JALEN SDN. BHD.

OLEH:

|                            |            |
|----------------------------|------------|
| NOOR LIYANA BINTI MOHD ZIN | 2011395327 |
| NOR AQUISSYA BINTI ZAINI   | 2011570783 |

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-NYA, dapat kami menyiapkan projek Sejarah Pendokumentasian Lisan ini dengan jayanya. Kami berharap agar projek ini dapat memberikan manfaat dan dijadikan rujukan kepada pihak yang berminat. Pertama sekali, sekalung penghargaan kami tujukan kepada Datuk Hj Ab Jalil B. Hj Long, Pengusaha Jalen Sdn. Bhd.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian beliau untuk diwawancara sebagai tokoh dalam bidang perniagaannya. Kesudian dan kerjasama beliau amatlah dihargai. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nor Kamariah binti Chik selaku pensyarah kami untuk kursus ini iaitu *Oral History Documentation* atau Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604). Penghargaan ini ditujukan atas usaha sama yang telah beliau berikan dari segi nasihat dan mengajar kami teknik-teknik untuk membuat dan menyiapkan projek ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar beliau, pasti kami menghadapi masalah dan sukar untuk menyiapkan tugas ini.

Di samping itu juga, ucapan ribuan terima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang tidak putus-putus memberikan sokongan, semangat dan pandangan dalam menyiapkan tugas ini. Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai. Sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih.

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Datuk Hj Ab Jalil B. Hj Long di mana beliau adalah seorang pengusaha produk Jalen Sdn. Bhd. Temubual ini dijalankan pada 14 April 2014 bertempat di syarikat milik beliau iaitu Syarikat Jalen Sdn. Bhd., Johor Bahru, Johor bermula dari jam 2.00 petang sehingga 4.00 petang. Beliau merupakan seorang tokoh yang berjaya dalam bidang perniagaan dan telah menerima beberapa anugerah dalam bidang tersebut. Beliau juga sangat terkenal kerana telah menjadi salah seorang pengusaha Melayu yang Berjaya. Transkrip ini sedikit sebanyak menyentuh tentang latar belakang tokoh, kerjaya tokoh, pencapaian tokoh dan pengalaman tokoh sepanjang menceburi bidang perniagaan.*

**Kata kunci:** *Jalen, Hj Ab Jalil B. Hj Long, Pengusaha Melayu.*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

| TAJUK                                 | MUKA SURAT |
|---------------------------------------|------------|
| Penghargaan.....                      | i          |
| Abstrak.....                          | iii        |
| Isi Kandungan.....                    | v          |
| Senarai Gambar.....                   | vii        |
| Biodata Tokoh.....                    | viii       |
| Pengenalan.....                       | x          |
| Transkrip                             |            |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh..... | 02         |
| Bahagian 2: Kerjaya.....              | 08         |
| Bahagian 3: Pencapaian.....           | 39         |
| Bahagian 4: Pengalaman.....           | 46         |
| Rujukan.....                          | 55         |
| Lampiran                              |            |
| Log Wawancara.....                    | 57         |
| Senarai soalan.....                   | 58         |
| Surat Perjanjian.....                 | 67         |
| Gambar.....                           | 68         |
| Indeks.....                           | 70         |



# SENARAI GAMBAR

| TAJUK  | MUKA SURAT |
|--|------------|
| Gambar 1: Gambar kenangan bersama pemilik Syarikat Jalen Sdn. Bhd..... | 68         |
| Gambar 2: Sesi pemberian cenderahati kepada tokoh.....                 | 68         |
| Gambar 3: Gambar kenangan bersama tokoh.....                           | 69         |

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



Datuk Hj Ab Jalil B. Hj Long dilahirkan pada 27 Jun 1938 di Masjid Tanah, Melaka dan merupakan seorang pengusaha produk Jalen Sdn. Bhd. Beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 1961 dan dikurniakan tujuh orang cahaya mata. Mula menceburi bidang perniagaan pada tahun 1971 dengan membuka kedai runcit yang diberi nama Maimun Mini Market. Pada tahun 1981, beliau mula mengorak langkah dengan membuat dan menjual kicap yang kini dikenali sebagai produk Jalen. Syarikat beliau terletak di Lot 3688, Jalan Kempas Lama, Kampung Sinaran Baru, 81300 Skudai, Johor Bahru, Johor. Sehingga kini Jalen Sdn. Bhd. telah mengeluarkan tujuh belas produk termasuk kicap, sos, kordial dan lain-lain.

Beliau seorang yang mempunyai prinsip dalam melaksanakan tugasnya sebagai seorang peniaga sehingga berjaya menerima banyak anugerah seperti Anugerah Usahawan Berjaya Malaysia. Walaupun terdapat banyak saingan dalam bidang perniagaan, beliau masih teguh dan bercita-cita tinggi untuk mengembangkan lagi produk Jalen.

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Jalen merupakan jenama masakan, makanan, minuman. Jalen adalah jenama Islam yang diusahakan oleh Syarikat Jalen Sdn. Bhd. yang berpangkalan di Johor. Jalen Sd. Bhd. diusahakan oleh seorang usahawan Melayu iaitu Datuk Hj Ab Jalil B. Hj Long. Jalen Sdn. Bhd. mula beroperasi pada November 1981 sebagai Jalil Enterprise dan aktiviti utama syarikat ini ialah membekalkan kicap secara kontrak di bawah jenama kicap Habhal. Pada November 1986, perjanjian itu telah ditamatkan kerana syarikat Jalen Sdn. Bhd. ingin bergerak sendiri.

Pada 31 Mac 1989, Jalen Sdn. Bhd. mula beroperasi dengan membekalkan nama jenama baru Sos jalen Soya secara langsung kepada pasaran. Pada mula perniagaan, produk ini hanya mempunyai dua jenis kicap, sos cili, dan juga sos tomato. Setelah beberapa tahun berkembang, Jalen berjaya menghasilkan sehingga tujuh belas produk iaitu lima jenis kicap, tujuh jenis kordial, sos cili, sos tomato, cuka, tiram, dan taucu.

Produk Jalen dihasilkan berasaskan kepada prinsip Islam yang membawa kesan mendalam Halal di mana ia diluluskan oleh Jabatan Agama Johor Malaysia dan ia juga mengikut Akta Makanan Malaysia 1983 dan Peraturan Makanan 1985. Barangan yang dihasilkan oleh syarikat Jalen Sdn. Bhd. adalah berkualiti tinggi kerana ia mengekalkan keaslian perisa asal mereka selain menekankan kebersihan bahan-bahan serta kebersihan tempat.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang kehidupan serta kerjaya Datuk Hj Ab Jalil B. Hj Long sebagai pengusaha produk Jalen Sdn. Bhd. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

DJ: Datuk Hj. Ab Jalil B. Hj Long  
NL: Noor Liyana Binti Mohd Zin

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NL : Assalamualaikum Datuk. Ini kami nak start [mula] temuduga, tanya beberapa soalan tentang latar belakang Datuk. Boleh kami tahu nama penuh Datuk?**

**DJ : Nama penuh saya, Ab Jalil. Ab bukan Abdul tu. Ab sahaja. Ab Jalil bin Hj Long.**

**NL : Okay. Nama gelaran Datuk? Nama gelaran yang kawan-kawan rapat panggil.**

**DJ : Jalil. Mana ada bagi gelaran. Nanti orang kata Jalil jolok Jalil. Jalil jalan macam**

itu. Ada empat puluh itu. Dia punya soalan dia, cuba cari apa empat puluh J.  
Pernah sekali, Jalil kena jolok Jalil (gelak).

**NL : Okay (gelak). Soalan seterusnya. Datuk berasal dari mana? Di mana tempat lahir Datuk?**

DJ : Lahir di Melaka. Masjid Tanah, Kampung Pulau (berdehem). Pada *dua puluh tujuh haribulan enam tahun seribu sembilan ratus tiga puluh lapan* [27 Jun 1938].

**NL : Umur Datuk sekarang?**

DJ : Takkan *tak* [tidak] tahu kira. Masuk universiti *tak* [tidak] tahu kira.

**NL : Tujuh puluh---**

DJ : Tujuh puluh enam.

**NL : Okay, boleh Datuk ceritakan serba sedikit tentang keluarga Datuk? Seperti bilangan adik-beradik dalam keluarga?**

DJ : Saya mempunyai enam orang adik-beradik. Dan kedua-dua ibu bapa saya *dah*



[sudah] meninggal. Ibu saya meninggal dekat Mekah, orang *laki-laki* [lelaki] meninggal *dekat* [di] sini. Yang adik-beradik saya, enam-enam ada lagi. Saya orang nombor tiga dan saya seorang yang duduk Johor.

**NL : Berapa lelaki berapa perempuan adik-beradik Datuk?**

DJ : Dua perempuan empat *laki* [lelaki]. Saya nombor tiga daripada enam\_ \_\_. (berdehem). Atas saya, satu abang satu kakak. Bawah saya tiga adik, dua adik lelaki satu adik perempuan. (berdehem). Enam orang lah. Saya tengah-tengah. Saya sekarang jadi batu timbang, duduk\_ \_ (bunyi motor).

**NL : Boleh Datuk ceritakan tentang latar belakang pendidikan Datuk?**

DJ : Darjah enam dulu, Melayu. Darjah enam sekolah Melayu berhenti tahun *lima puluh satu* [1951].

**NL : Boleh Datuk ceritakan sedikit sebanyak tentang pendidikan pada zaman Datuk dulu?**

DJ : Pendidikan? Pendidikan pada zaman saya adalah selepas kita dijajah- oleh Jepun. Selepas\_ dalam penjajahan Jepun pada masa itu, saya sekolah Jepun, sampai tahun *empat puluh lima* [1945]. Selepas Jepun keluar daripada Malaya

(berdehem), saya sekolah Melayu sampai tahun *lima puluh satu* [1951]. Tamat darjah enam.

**NL : Bilakah Datuk mendirikan rumahtangga?**

DJ : Mendirikan rumahtangga tahun *enam puluh satu* [1961]. Dua puluh- lupa saya. Tetapi tahun *enam puluh satu* [1961].

**NL : Tahun enam puluh satu (1961)?**

DJ : Ya. Tahun *enam puluh satu* [1961], bulan dua tak silap saya.

**NL : Apa nama isteri Datuk?**

DJ : Sekarang ini? Kau tak pernah tengok\_\_ lagi bini datuk? Nenek dia dah tahu, tanya lagi.

**NL : Berapa bilangan anak hasil daripada perkahwinan Datuk dan isteri Datuk?**

DJ : Tujuh orang. Lima *laki-laki* [lelaki], dua perempuan.

**NL : Adakah mereka semua sudah berkahwin?**

DJ : Semua sekali sudah kahwin. Datuk mempunyai dua puluh enam cucu. Dua belas perempuan, empat belas *laki-laki* [lelaki].

**NL : Kalau Datuk tak keberatan, boleh ceritakan serba sedikit tentang anak-anak Datuk?**

DJ : Semuanya berkelulusan (bunyi telefon). Tetapi seorang saja pergi Degree, yang lain semua Diploma- akauntan, *ITM* [Universiti Teknologi Mara].

**NL : Adakah semua anak Datuk menetap dengan Datuk?**

DJ : Semua menetap--- Cuma dia dah kahwin, sendiri. Tiada yang menetap. Kalau nak katakan, yang perempuan, yang kakak *tu* [itu], dia duduk rumah datuk tetapi rumah dia ada. Walaupun rumah dia lebih besar daripada rumah datuk, tetapi dia duduk rumah datuk juga. Lagi, yang perempuan nombor empat *tu* [itu] (bunyi telefon).

**NL : Jika ada masa lapang, apakah aktiviti yang Datuk lakukan?**

DJ : Datuk ini aktiviti banyak. *NGO* [Badan Bukan Kerajaan] *ni* [ini] banyak sangat. Pernah satu masa, ketika datuk pegang empat belas jawatan *NGO* [Badan Bukan

Kerajaan]. Semasa zaman itu, rasanya dua puluh tahun dulu, masa datuk cergas lagi. Sekarang umur datuk dah tujuh puluh enam. Datuk selain daripada meniaga, datuk buat banyak kerja kebajikan. Kira memang datuk daripada dulu suka sangat bekerja. Jadi, kalau tanya kenapa, mengapa, nanti datuk ceritakan.

**NL : Jadi bagaimana Datuk menghabiskan masa di waktu lapang bersama keluarga?**

**DJ :** Malam sahaja. Kalau masa siang ini jarang dengan keluarga. Maknanya pada siang ini, dengan aktiviti-aktiviti yang datuk pegang ini. Dulu surau datuk pegang, masjid datuk pegang, kebajikan dadah datuk pegang. Lain-lain, sampai empat belas. Sampai tak teringat. Kadang-kadang mesyuarat daripada pukul lapan pagi sampai pukul lapan malam. \_betul. Tetapi datuk *tak* [tidak] pernah abaikan rumahtangga. Setakat itu, belum ada lagi datuk abaikan. Tetapi saya rasa, kerja, sama-sama dengan keluarga. (Bunyi besi). Sampai sekarang.

**NL : Jadi apa aktiviti yang Datuk buat dengan keluarga di waktu malam?**

**DJ :** *Takde* [Tidak ada] apa-apa. Cuma kata orang, datuk kalau balik pun pukul sebelas malam. Bila nak ada aktiviti dengan keluarga. (Bunyi telefon).

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: KERJAYA

**NL** : Soalan seterusnya kami ingin tanya tentang karier Datuk. Apakah pekerjaan pertama Datuk?

**DJ** : Datuk, *tujuh haribulan sembilan tahun lima puluh tujuh* [7 September 1957], datuk masuk askar British di Singapura. Lepas itu bekerja di Johor Bahru. Datuk memang buta huruf ketika dalam askar British. Tetapi hari ini, jangan pelik lah cakap *orang Putih* [orang Inggeris]. Kerana datuk bercampur dengan *orang Putih* [orang Inggeris], tiga belas tahun. Tetapi *orang Putih* [orang Inggeris] yang datuk campur itu bukan *orang Putih* [orang Inggeris] yang ada akademik. Cuma dia itu bangsa *orang Putih* [orang Inggeris]. Macam kita orang Melayu, kalau kita tak sekolah pun kita boleh cakap Melayu. Itu saja. Maknanya, bahasa-bahasa kurang ajar dia itu terlalu tebal kerana di situ, ada England dan Scottish. Tetapi dia *tak* [tidak] boleh bercampur. Scottish ini dia kepulauan. Dia dengan England, England ini tanah besar dia. Orang England anggap Scottish itu orang buangan, jadi dia tak boleh berjumpa. Bila berjumpa mesti salah faham. Datuk campur *diorang* [mereka]. Maknanya macam itik dengan ayam bercakap. Tetapi akhirnya ayam pun faham cakap itik, dan itik pun dah faham cakap ayam. Masa *tu* [itu] sampai macam itu sekali. Alhamdulillah, datuk cuba belajar Bahasa Inggeris dalam tentera. Datuk lulus- Jeneral *class one* [kelas satu]. Tetapi tidak sekolah. Jadi, dapat lulusan Jeneral masa itu. Tak tahu Jeneral itu gred berapa. Boleh lah kalau nak *bedek-bedek* [tipu-tipu]. Nak tulis itu mungkin tidak kan,

tetapi kalau baca, insyaAllah boleh baca.

**NL : Boleh Datuk ceritakan serba sedikit tentang pekerjaan yang Datuk pernah lakukan? Daripada tadi tentera, lepas itu---**

DJ : Terus *je* [sahaja]. Lepas tentera, datuk berhenti tahun *tujuh puluh satu* [1971] (bunyi telefon). Bulan tiga, hari Rabu, pukul tiga petang. Dah tulis? *Tak* [tidak] tulis lagi *tu* [itu]. (Gelak).

**NL : Record (gelak).**

DJ : Pukul tiga petang, datuk mulakan dengan modal *seribu dua ratus ringgit* [RM1,200] (bunyi telefon). Datuk buka kedai runcit dan sekarang kedai runcit itu bernilai *dua ratus ribu* [RM200,000] sebulan. Sekarang anak datuk yang usahakan kedai itu, bergelar Maimun Mini Market. Itu lah modal dia, asal mulaan dia, bulan tiga, pukul tiga petang, hari Rabu, tahun *tujuh puluh satu* [1971]. Datuk mulakan *seribu dua ratus ringgit* [RM1,200]. Dan bencana, tahun *enam puluh sembilan* [1969], banjir *beso* [besar] dalam negeri Johor. Datuk kerugian habis sekali semua. Barang-barang habis semua. Nak mulakan semula kedai itu, ada *supply* [pembekal] yang *kasi* [beri] pinjam dulu. Sampai sekarang, Alhamdulillah, kedai yang datuk buat itu dah tiga pintu sekarang ini, dan bergelar mini market. Kalau nak kata *hypermarket* [pasaraya besar], besar. Jadi, mini market. Boleh dapat antara dua ratus ke atas macam itu sebulan. Untung,

hasilnya datuk *tak* [tidak] ambil. Itu cuma pada anak datuk. Kemudian lepas itu, pada *dua puluh lima haribulan sebelas tahun lapan puluh satu* [25 November 1981], datuk cuba mengorak langkah jual kicap. Buat kicap, bukan jual kicap. Sedangkan pengalaman masa itu *zero* [kosong]. Tiada, memang *tak* [tidak] tahu. Kerana kicap ini bukan datangnya daripada keturunan orang Melayu. Kicap ini, kalau kita tahu, adalah asalnya orang Cina, tetapi sebenarnya bukan orang Cina. Kicap ini asal-usulnya orang Jepun yang buat kerana datuk pergi di Tokyo, pada *lapan puluh sembilan* [1989]. Sungguhpun datuk ini *tak* [tidak] lulus sekolah tinggi kan, tetapi datuk *dah* [sudah] pergi Tokyo (bunyi telefon). Dibiayai oleh Mara, sepuluh hari datuk duduk sana. Melihat kicap Kikkoman. Kilang kicap di situ, dia punya luas kawasan, agak-agak berapa ekar? Lima puluh ekar. Bayangkan. Lima puluh ekar besar mana? Ada tak Desa Jaya besar itu? *Takde* [Tidak].

NL : **Besar lagi (gelak).**

DJ : Itu contohnya. Lima puluh ekar. Kerana di situ juga dia ada buat kicap, khas untuk raja dia. Dia tidak campur. Dia ada *cinema* [panggung wayang] semua. Kikkoman ini ada kilang dia di seluruh dunia, ada enam puluh. Pendapatan *salesman* [jurujual] dia, mendapat tak kurang daripada *dua ratus ribu* [RM200,00] sebulan. Tetapi seluruh kilang, enam puluh kilang itu dijaga. Tetapi kalau kita tanya, kalau satu bulan *dua ratus ribu* [RM200,000] Malaysia itu, dia

mesti *tak* [tidak] tahu. Dia Yen kan. Dia kata nilai *dua ratus ribu* Malaysia [RM200,000], *takde* [tiada] duit. Duit ini habis semua dengan perjalanan. Makan, tinggal, *\_*. Kerana orang Jepun dia punya *standard of living* [taraf hidup] tinggi. Dia kata kalau gaji *enam ribu* [RM6,000], boleh kahwin seorang, anak seorang, bela mak dan bapa saja. Kalau kita *enam ribu* [RM6,000] luas kan? Boleh kahwin lepas itu kahwin lagi kan. Bulan *besok* [esok] dapat *enam ribu* [RM6,000] kahwin lagi satu kerana hantaran itu sedikit. Tetapi datuk pergi sendiri kilang dia, dia mempunyai tradisi dia, sampai sekarang. Tiga puluh enam orang Lembaga Pengarah. Tahun *lapan puluh sembilan* [1989], umur kicap Kikkoman itu sudah tiga ratus lima puluh tahun. Dia mempunyai tiga puluh enam ahli Lembaga Pengarah berketurunan. Agak-agak berapa lapis? Ini orang yang sama berketurunan. Itu yang sampai *tak* [tidak] tahu dah *tu* [itu]. Tetapi, datuk kagum di situ. Kerjasama *diorang* [mereka]. Kerana kalau datuk kaji di sini, syarikat-syarikat yang ditubuhkan orang Melayu, syarikat kerjasama atau lain, tidak berjaya. Paling tinggi pun, dua tahun. Lepas dua tahun, mesti berpecah. Tetapi bayangkan. Tahun *lapan puluh sembilan* [1989], datuk pergi sana, umur kicap dia *dah* [sudah] tiga ratus lima puluh tahun. Cuba awak bayangkan. Tiga puluh enam orang itu, semuanya kelulusan *PhD* [Sarjana Kedokteran], kedokteran ye, perubatan. Tetapi datuk nak pesan. Esok kalau kamu jadi orang pandai, kalau kamu dapat kedokteran ke ataupun memang doktor, ijazah ke, awak jangan sombong. Dia [Orang di Jepun] tak sombong, langsung tak sombong. Bahkan kita datang, dia hormat kita. Datuk masuk dalam



bilik itu, dia mengangguk sampai lepas lutut. Datuk fikir masa itu, “aku ini terlalu kerdil orangnya. Aku datang tempat engkau, negara engkau, tetapi engkau hormat aku”. Tetapi walaupun dia cakap *orang Putih* [Inggeris], *telo* [dialek] Jepun dia kuat. Macam orang India cakap *orang Putih* [Inggeris] macam itu. Datuk berhijrah dengan kicap ini, yang datuk sebut tadi, *dua puluh lima haribulan sebelas tahun lapan puluh satu* [25 November 1981] dengan modal *tiga puluh ribu ringgit* [RM30,000]. Masa itu, kicap itu bukan datuk keluar sendiri tetapi kicap itu di *franchise* [francais]. Datuk buat kicap itu, resepinya adalah daripada orang lain iaitu daripada Habhal, kicap Kipas Undang itu. Habhal itu nama dia Haji Ahmad bin Haji Abdul Latif. Orang Singapura. Masa itu, datuk fikirkan balik. Masa datuk ambil, *dua puluh lima haribulan sebelas tahun lapan puluh satu* [25 November 1981], umur kicap itu sudah dua puluh lima tahun, tetapi masih boleh jual. *Takde* [tiada] cawangan dalam Malaysia mahupun Singapura, hanya boleh jual dalam seribu, seribu dua ratus, sebulan. Berbanding dengan Jepun itu, dia buat seluruh dunia juga, *tak* [tidak] tahu juta atau million dia punya jualan. Kalau satu syarikat, satu kilang sahaja dia punya keluasan lima puluh ekar. Sedangkan kicap yang Datuk ambil, kicap Habhal itu, kacang dia, buatnya di belakang rumah. Jadi, datuk buat, pindahkan ke Johor. Dia punya resepi dibuat oleh Habhal sendiri (bunyi orang batuk). Datuk jalankan selama lima tahun, datuk boleh jual seratus empat puluh ribu. Lima tahun sahaja. Bukan dua puluh lima tahun. *Dua puluh lima haribulan sebelas tahun lapan puluh enam* [25 November 1986], datuk mendapat

kemalangan. Bukan kemalangan cedera, tetapi kemalangan dirampas kuasa, perusahaan datuk. Datuk hampa sangat kerana apa yang datuk hampa sangat-datuk hanya mempunyai duit *dua puluh lima ribu* [RM25,000]. Hutang ada *seratus lima puluh ribu* [RM150,000]. Gaji pekerja ada lima puluh orang belum bayar. Macam mana nak buat kan. Agak-agak lah kalau kena pada anda, ataupun masa akan datang *besok* [esok], anda yang kena macam datuk, apakah kamu akan buat? Ini pengalaman ataupun pengajaran untuk kamu sekiranya kamu menceburkan diri dalam dunia perniagaan. Kalau kamu bekerja dengan kerajaan, kamu tak akan tempuh ini tetapi kamu tidak akan berjaya. Ini datuk pesan. Maknanya (berdehem), kalau kita belajar hari ini, kita jangan tunggu kerja apa yang kita nak buat. Mesti buat *plan* [perancangan]. Ini empat-empat orang ini semua datuk benarkan masuk supaya dapat pandangan datuk, bukan nasihat datuk. Kalau boleh, cari pengalaman, sampai dapat *PhD* [Sarjana Kedoktoran] ataupun sampai *Master* [Ijazah Sarjana], cari jalan macam mana nak berniaga. Kerana kalau diikutkan dalam agama kita agama Islam, sembilan daripada sepuluh adalah hasil perniagaan. Jadi itulah datuk pesan, kalau kamu belajar, belajar habis-habisan dan cari pengalaman, cari lah kerja dan berniaga. Kalau kerja itu jadikan satu pengalaman, dan cari kerja untuk berniaga. Maksud datuk, macam ada yang kerja di sini, akauntan, semuanya *Degree* [Ijazah Sarjana Muda]. Diploma *dah* [sudah] *tak* [tidak] ambil. Kerana apa? Diploma gaji dia kecil. Jadi kalau *Degree* [Ijazah Sarjana Muda], gaji dia *dah* [sudah] besar. Maknanya *dah* [sudah] *dua ribu* [RM2,000] ke atas. Diploma kan *dah*

[sudah] macam *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], tak laku sekarang ini (bunyi telefon). *Degree* [Ijazah Sarjana Muda], macam Diploma juga, *dah* [sudah] hampir-hampir *tak* [tidak] laku. Datuk cuba nasihatkan, kalau kamu ada peluang nak berniaga, *you* [awak] pergi berniaga. Tetapi kalau awak makan gaji dengan tempat orang berniaga, dapat dua. Selain dapat gaji, dan keduanya dapat fardhu kifayah kerana kamu kerja dengan orang Melayu dan membuat barang-barang yang halal untuk orang Melayu, sama-sama dapat pahala. Itu dipanggil berkat. Alhamdulillah, mana yang kerja dengan datuk, yang memang *takde* [tiada] kelulusan pun (bunyi ketukan), yang ada SPM saja, sekarang pun *dah* [sudah] dapat *lima* [RM5,000] *enam ribu* [RM6,000] gaji. (Bunyi ketukan). Bila *dua puluh lima haribulan sebelas tahun lapan tahun lapan puluh enam* [25 November 1986] itu, datuk disingkir. Jadi, harta datuk diambil alih. Maknanya kalau berperang, datuk *dah* [sudah] jadi orang tahanan. Tetapi kita orang berniaga, lari sendiri, buat sendiri. Itu lah datuk mengorak langkah, mula sekali datuk mengorak langkah, datuk panggil lima puluh orang pekerja, datuk pegi buat *clearance* [penghabisan]. *Diorang* [mereka] semua *ni* [ini] panggil datuk, ayah. Sampai sekarang. Tua atau muda, semua. *Laki-laki* [lelaki], perempuan, semua panggil ayah. *Takpe* [tidak mengapa], datuk redha. Datuk cakap, “hari ini, ayah akan berhentikan kamu. Ataupun singkatnya, engkau tidak lagi dengan ayah. Daripada saat ini, petang ini”. Semuanya menangis, meraung macam datuk ini *dah* [sudah] mati *dah* [sudah]. Datuk pun sama menangis tetapi tidak lah meraung. Mengalir air mata, hiba sangat. Lima puluh orang menangis. *Takde*

[tidak ada] seorang pun yang *tak* [tidak] menangis. Termasuk ayah dan datuk-datuk juga menangis. *Dia* [Mereka] kata, *dia* [mereka] berikrar, *dia* [mereka] *tak nak* [tidak mahu] tinggalkan datuk . *Dia* [Mereka] nak ikut datuk ke mana datuk pergi. Kerana datuk punya\_, datuk nak teruskan perniagaan. Dan datuk akan bayar gaji kamu. Itu awal tahun *lapan puluh tujuh* [1987]. Datuk mulakan dengan *dua puluh lima ribu* [RM25,000], pekerja lima puluh orang belum bayar, hutang *seratus lima puluh ribu* [RM150,000]. Datuk ada modal ke datuk *takde* [tidak ada] modal?

NL : *Takde* [Tidak ada].

DJ : *Takde* [Tidak ada] modal kan? Kerana hutang *seratus lima puluh ribu* [RM150,000], gaji pekerja lima puluh orang masih---. Masa itu, saat itu, *lapan ringgit* [RM8] sehari. *Lapan ringgit* [RM8] sehari kalau dua puluh enam hari? Berapa? Ada dalam seratus lebih jugak kan? *Seratus lapan puluh ringgit* [RM180] sebulan, belum bayar. Jadi, datuk gunakan dulu *dua puluh lima ribu* [RM25,000] itu, *supply* [pembekal] yang datuk hutang *seratus lima puluh ribu* [RM150,000] datang jumpa datuk . Sampai sekarang, Cina itu ada lagi dengan\_, tetapi dia duduk *Kolumpo* [Kuala Lumpur]. Sampai sekarang dia hormat datuk. Dia kata, “pakcik, teruskan berniaga. Saya bantu. Jangan ingat pasal hutang”. Datuk mulakan pada awal tahun *lapan puluh tujuh* [1987], bulan Januari, datuk dapat *empat puluh ribu* [RM40,000]. Daripada *seratus empat*

*puluh ribu* [RM140,000] pendapatan datuk , tetapi cuma dapat *empat puluh ribu* [RM40,000]. Itu lah punca dia, jalan dia. Akhirnya hari ini, kalau tahun *lapan puluh tujuh* [1987], hari ini *dua ribu empat belas* [2014], berapa tahun? Dua puluh tujuh tahun. Datuk boleh jual *lima juta* [RM5,000,000] sebulan. Dan Cina *tu* [itu], dia jadikan datuk macam saudara dia, macam bapa dia. Sebab kalau dia datang sini, dia hormat datuk itu macam bapa dia lah. Peluk, cium datuk, macam itu. Sampai sekarang. Itu lah keadaannya. Itu ringkasnya (bunyi telefon) yang datuk ceritakan dalam karier datuk sendiri lah. Hari ini, Alhamdulillah, pendapatan satu bulan *lima juta* [RM5,000,000]. Dan pengeluaran kita dulu cuma kicap dua jenis, cili sos, tomato sos, itu sahaja, empat. Dapat jual *seratus empat puluh ribu* [RM140,000]. Sekarang ini, kicap ada lima jenis, kordial ada tujuh jenis, cili sos, tomato sos, cuka, tiram, dan taucu. Ada lebih kurang tujuh belas jenis lah macam itu. Kordial itu ada tujuh jenis. Dapat *lima juta* [RM5,000,000] sebulan. Boleh? Apa lagi?

**NL : Adakah syarikat Datuk mempunyai cawangan lain? Selain daripada---**

**DJ : *Takde* [Tidak ada].** Kita tidak ada cawangan lain. Maknanya dalam kita punya kategori, kalau kita (bunyi telefon) tidak banyak pengalaman, kita jangan buat cawangan lain. Nanti yang dikejar *tak* [tidak] dapat, yang dikendong berciciran. Jadi kita cuma bertahan *dekat* [di] sini, tanah ini ada tiga ekar. Cuma tahankan sini, macam mana nak besarkan. Hari ini kapasiti kita memang *tak* [tidak]

cukup. Kalau kamu ada masa, kamu boleh jalan tengok, *kat* [di] dalam-dalam. Macam mana cara buat kicap, macam mana rupa kicap, macam mana datangnya kicap itu. Awak nak ambil gambar ke, awak nak tidur dengan kicap ke, awak nak berenang dalam kicap ke, terpulang. Tetapi jangan mati. Kicap *tu* [itu] datuk *tak* [tidak] boleh keluarkan (gelak).

**NL : Masa mula-mula Datuk nak kembangkan perniagaan Datuk ini, ada tak Datuk dapat bantuan dari mana-mana pihak?**

DJ : Tidak ada.

**NL : MARA ke?**

DJ : MARA saja. Itu pun masa datuk buka kedai runcit. Kedai runcit masa awal itu, modal *seribu dua ratus* [RM1,200] itu *takde* [tidak ada]. Itu modal sendiri. Dan masa itu, datuk *tak* [tidak] dapat modal, tak dapat bantuan daripada MARA. Selepas tahun *tujuh puluh satu* [1971] ke tahun *lapan puluh satu* [1981], makna sepuluh tahun macam itu, baru lah MARA dapat *kasi* [beri] pinjam, *tiga puluh lima ribu* [RM35,000] atas hendak membesarkan kedai. Tetapi *tiga puluh lima ribu* [RM35,000] itu tak pergi kepada kedai runcit, tetapi pergi ke kicap. Hari ini, datuk *tak* [tidak] pinjam mana-mana bank tetapi bank pula *kasi* [beri] duit *kat* [pada] kita, laburkan duit *dekat* [pada] kita. Kalau macam Agro Bank, dia

*kasi* [beri] *lima juta* [RM5,000,000] tanpa jaminan. Itu contoh dia. *Lima juta* [RM5,000,000], ambil saja lah, kita pun ambil. Ambil, kita pun labur dekat dia balik untuk jadikan\_. Dan kita *tak* [tidak] pakai duit itu. Kemudian, RHB bank, dia bagi kita *dekat* [hampir] *sepuluh juta* [RM10,000,000] tetapi duit itu kita tak pakai lah kan. Dia nak kita *ni* [ini] jadi pelanggan dia sahaja. Tetapi Alhamdulillah, datuk bersyukur pada Allah subhanahuwataala. Dengan bantuan Allah juga, bantuan anak-anak, cucu-cucu datuk, mendoakan bahawa benda itu berjaya. Itu sebabnya. Kalau kita berniaga tak sama dengan orang makan gaji. Anak-anak datuk ada lima orang daripada tujuh orang, yang kerja di sini. Empat ada *dekat* [di] sini, satu *dekat* [di] kedai (sendawa), dua perempuan bekerja dengan suami dia. Yang *laki-laki* [lelaki] semua kerja---. *Diorang* [Mereka] pun boleh mendapat *sepuluh* [RM10,000] *dua belas ribu* [RM12,000] sebulan. Dia memang lah, dah ada rumah, ada kereta. Alhamdulillah. Itu datuk nasihatkan, kalau kamu nak belajar, belajar habis-habisan. Cari pengalaman. Cari butir-butir lanjut daripada segi perniagaan. Sama ada kamu berniaga dengan cara *IT* [teknologi] ke, cara manual ke cara apa, buat lah. Tetapi namakan satu perniagaan. Kalau nak harap, nak kata, “aku nak makan gaji (bunyi telefon) dengan kerajaan supaya aku dapat pencen”, tak bagus. Makna, pemikiran kita tertutup dekat situ. Cuba fikir kalau kita tak sampai tahun kita pencen, umur kita singkat, umur kita tak panjang. Ataupun umur kita panjang, masa itu dan saat itu, kita dibuang kerja. Malang tak berbau. Musuh sentiasa *dekat* [hampir] kita. Kadang-kadang orang buat silap, kita yang kena. Jadi, kita kerja sampai tiga

empat puluh tahun, hasil *tak* [tidak] dapat, kita kena buang kerja. Jadi kalau kita berniaga, kita tahu sendiri. Rugi kita punya sendiri, untung kita punya sendiri. Macam mana kita nak cari untung, kita gunakan akal kita. Nanti bila kamu berniaga besok, kalau datuk ada umur lagi, datuk nasihatkan.

**NL : Pernah tak Datuk rasa berputus asa sepanjang menceburi bidang perniagaan?**

**DJ :** (Mengeluh). Kalau kata putus asa, banyak kali lah nak. Sebab, kita orang Melayu. Yang pertama, kicap ni bukan dari datuk nenek moyang kita. Bukan asalnya orang Melayu yang buat (bunyi ketukan). Orang Melayu yang buat perniagaan ini, cuma kata orang, apa dia tampuk niaga orang Melayu? *Takde* [tidak ada] kan? Kalau ada pun, peniaga-peniaga kecil, warung, jual-jual goreng pisang, itu sahaja. Maknanya perniagaan besar ini, *takde* [tidak ada] orang Melayu. Jadi kegagalan itu memang ada.

**NL : Siapakah yang menjadi pendorong atau tulang belakang sepanjang Datuk menceburi bidang perniagaan ini?**

**DJ :** Datuk sendiri yang jadi tulang belakang itu. Mana ada tulang belakang lain (gelak). Nak kata nenek kau *kat* [di] rumah mana ada. Dia semua *tak* [tidak] tahu. Sekolah darjah enam pun tak sampai. Darjah lima sahaja *dah* [sudah]



berhenti. Orang dulu, pergi sekolah tak pakai kasut. Kalau ada pun, selipar Jepun. Orang miskin. *Takde* [tidak ada] macam kamu, untung. Orang dulu, zaman datuk, pakai baju ini setahun sehelai. Agak-agak macam mana lunyainya baju setahun sehelai. Berhenti sekolah, setahun itu, itu lah baju sehelai. Kalau baju itu yang sampai hujung tahun itu, cuti sekolah, dekat belakang ini, dekat tebal ini- tampilkan dia (memegang kolar baju). Itu kemiskinan orang dulu. Itu zaman datuk. Pergi sekolah tak pakai kasut, berkaki ayam. Betul. Kamu sini, satu tahun entah berapa pasang kasut. Kemewahan. datuk nak dapat lima sen satu hari tak dapat. Lima sen. Bukannya *seposen* [sepuluh sen], bukan *dua posen* [dua puluh sen], bukan *tiga ringgit* [RM3] *lima ringgit* [RM5]. Hari ini datuk tengok, cucu datuk satu hari *lima ringgit* [RM5], belanja dia. Satu bulan dah berapa. Kan? Itu dia contoh. Datuk dulu lima sen tak dapat. Kalau nak ada tumpang-tumpang, kalau kawan yang banyak duit itu, tumpang lah. *Kecek* [Ampu]. Macam *mengecek* [mengampu] lah. Itu yang Datuk ingat. Ada kalinya, Datuk hiba sangat, kemiskinan datuk masa itu. Ibu bapa datuk memang susah. Maknanya kamu sekarang ini dah sampai ke peringkat universiti makna kamu kena bersyukur pada Allah dan ibu bapa. Jangan langsung melawan ibu bapa. Jangan kecilkan ibu bapa kerana dia sangat susah membela kita. Kamu berapa tahun dia bela. Dari umur enam tahun sampai umur lapan belas. Dua belas tahun dia sekolahkan awak. Selain daripada besar\_ enam tahun. Itu kena jaga lah. Makna lapan belas tahun kita mempunyai mak dan bapa. Kalau orang yang *takde* [tidak ada] mempunyai mak bapa, apa dia. Itu contoh. Itu pandangan

datuk, nasihat datuk. Jangan buat sama sekali. Keburukan kepada ibu bapa. Hormat dia. InsyaAllah kamu akan berjaya. Kalau kita hormat ibu bapa, sanjung tinggi pada ibu bapa, apa pun kita minta, Allah akan luluskan insyaAllah. Tetapi kalau kita selalu menengking ibu bapa, tak sampai lah. Kalau dapat pun periksa *besok* [esok], dapat pangkat dia itu, datuk pun tak tahu. Kalau sekarang ini yang dapat enam, lima itu kan, dapat B C B C, C semuanya, sembilan C sahaja. Apa kebanggan kita kepada ibu bapa kita? Dan apa kebanggaan ibu bapa kita kepada anak dia? Itu kena ingat. Maknanya ibu ayah sentiasa mendoakan kita untuk menjayakan kita. Tetapi kalau kita, "*takpe* [tidak mengapa], *takpe* [tidak mengapa], *takde* [tak ada] kerja besok kerja *JKR* [Jabatan Kerja Raya] tak pun kerja *MBJB* [Majlis Bandaraya Johor Bahru]", angkat sampah, hendak tak? Nak tak kamu? Kalau orang perempuan "*takpe* [tidak mengapa], esok jadi ama je macam tu". Basuh kain orang. Kan? Elakkan itu semua. Berdoa pada Allah. Hormat ibu bapa insyaAllah ibu bapa mendoakan kita. Doa ibu bapa makbul. Makbul, sangat makbul. Kalau ibu kata ibu doakan kita, "ya Allah ya Tuhanku", dengan menitiskan air mata, "jayakan lah anak-anakku, jangan lah Kau hampakan permintaan anak-anakku, itu permintaan aku", Allah akan kurniakan. Kalau dia berdoa itu dengan air mata, insyaAllah. Kita tahu bagaimana pahit maung ibu bapa kita bela kita. Itu kena ingat. Ada lagi?

NL : **Yang macam Datuk cakap tadi, pada awal perniagaan, berapa bilangan pekerja Datuk yang Datuk ada?**

DJ : Sekarang ini, kita ada lima belas depo. Lima belas depo, bukan unit. Depo ni macam tempat *distribute* [mengedar]. Kita ada satu, macam kedai, kita datang hantarkan barang, sana *distribute* [edarkan]. Kita ada lima belas depo dalam seluruh Malaysia. Dan setiap depo, mesti ada tujuh orang lapan orang. Pengurus ada satu, kerani ada satu, dan pengedar itu ada tujuh lah. Makna enam tujuh orang macam itu. Kita kalau kumpulkan dekat empat ratus orang. Ini bulan lima esok, kita buat Hari Keluarga, setiap dua tahun sekali kita buat Hari Keluarga. Panggil semua sekali. Baru-baru ini, datuk panggil semua pekerja yang bertanggungjawab, buat mesyuarat. Setiap tahun sekali. Mana yang kerja kuat, dapat hadiah. Yang mana apa yang kita suruh, dia buat, dia dapat hadiah. Hadiah pertama, *dua ribu setengah* [RM2,500], yang kedua *dua ribu* [RM2,000], yang ketiga *seribu lapan ratus* [RM1,800]. Kemudian, ada saguhati, *lima ratus* [RM500] *enam ratus* [RM600] macam itu. Tiga empat puluh orang dapat. Setiap tahun kita buat. Datuk panggil itu, skim galakan. Selain daripada dia dapat berehat duduk *kat* [di] hotel, tidur *kat* [di] hotel, makan diberikan, kemudian kita ajak berbual, macam mana prestasi pekerja, macam mana nak buat kerja. Tetapi Alhamdulillah, setakat hari ini, dia punya perjalanan itu bagus. Yang ketiga, datuk hari ini berhutang dengan Tuhan. Datuk bayar *Dia* [Allah]. Setiap orang yang---, lebih pada enam tahun, datuk hantar pergi haji. Kau tahu kan datuk hantar pergi umrah? Sekarang ini dan saat ini, datuk dah hantar umrah, bukan

atas syarikat, tetapi bawah aktiviti datuk sendiri. Dah lebih pada seratus sepuluh orang, hantar pergi umrah. Bukan hantar pergi umrah sahaja, *complete* [lengkap], kita bagi dia *complete complete* [lengkap]. Dia cuma bawa baju dia. Kalau dia nak beli *jajan* [keropok], dia sendiri. Itu pun duit *jajan* [keropok] dia datuk bagi *dua ratus ringgit* [RM200]. Selain daripada tambang, duit tambang kapal terbang, kediaman, kedudukan, minum makan, semuanya datuk bagi. Seorang, paling rendah pun *lima ribu* [RM5,000]. Kadang-kadang kalau lalu Singapore, kena *enam ribu* [RM6,000]. \_ \_ \_, kalau hari itu, *lima ribu empat ratus* [RM5,400]. Hari itu sebelas orang. Itu bukan kilang buat. Kilang hantar pergi haji. Pergi haji, yang malangnya, sedikit orang Islam yang ada di tempat datuk ini, dia tak minat pergi haji. Dia takut nak pergi haji. Banyak, ada dekat tiga empat puluh orang yang dah layak pergi haji, *tak nak* [tidak mahu] pergi haji. Datuk belum sempat berjumpa dengan *diorang* [mereka]. Datuk tanya dengan anak datuk, *dia* [anak datuk] kata ada lebih empat puluh orang yang dah layak pergi haji. Tetapi bila bagitahu *dia* [orang yang layak pergi haji], dia taknak pergi haji. Itu contoh-contoh ada orang Islam. Ada orang Islam yang datuk jaga di sini, takut nak pergi haji. Tetapi kalau macam dekat Qura' itu, Datuk pergi itu, sampai dia menyendeng, bila peluang dia dapat pergi umrah. Itu dia, nak pergi umrah. Umrah itu cuma empat belas hari paling lama tetapi pergi haji sebulan lebih. Tetapi pelik sangat, ada orang Melayu yang takut nak pergi haji. Menangis-nangis. Bergaduh dengan datuk pun ada. Dia kata, "ayah tahu tak orang takut nak pergi haji", katanya. Apa yang takutnya pergi haji kan? Dia

takut mati. *Pasal* [Kerana] apa. Memang benar, apa yang dia sangka itu benar. Tetapi ada orang memang minta pergi haji ini, mati. Kerana jaminan Allah, syurga. Tetapi dia *tak* [tidak] nampak syurga itu macam mana, itu yang dia takut. Ada lagi? Dah?

**NL : Pada awal perniagaan Datuk, berapa anggaran peralatan yang digunakan untuk memproses kicap, sos?**

**DJ :** Kan datuk cakap tadi, datuk ini *takde* [tidak ada] anggaran. Kalau siapa nak mulakan kicap ini, tetapi kalau masa dulu, sekarang *ni* [ini] dah *beso* [besar] lah. Dulu hanya kicap dua jenis, manis, masin, cili sos, tomato. Itu pun tak lari juga dari *lima puluh* [RM50,000] *enam puluh ribu* [RM60,000]. Dulu, kalau dua puluh tahun dulu. Kalau sekarang ini, nak mula pun *dekat* [hampir] *dua ratus ribu* [RM200,000]. Kalau nak mula buat kicap, mula-mula datuk buat kicap, *dua ratus ribu* [RM200,000], dia punya peralatan dia sahaja, dia punya perkakas *machine* [mesin] dia. Dan datuk sekarang semua *takde* [tidak ada] manual. Semua *machine* [mesin]. Maknanya kecepatan. *Pasal* pengeluaran kita lebih kurang dapat tiga puluh ribu satu hari. Tiga puluh ribu botol satu hari. Kalau tidak kita *tak* [tidak] boleh menampung pembiayaan atau keperluan orang. Kadang-kadang menjerit juga bila *machine* [mesin] rosak, pengeluaran kita *takde* [tidak ada], depo-depo menjerit barang *takde* [tidak ada]. Jadi dia rugi, dia kata. Bila barang *takde* [tidak ada] (bunyi ketukan), dia tak berniaga, makna dia

tak dapat naikkan\_. Mereka berlawan siapa jual banyak, \_\_\_\_. Itu lah.

**NL : Dari manakah datang idea Datuk menamakan produk Datuk, Jalen?**

DJ : Kalau nak tanya pun, susah juga nak jawab sebab kalau kita pergi Enterprise, dia tidak ada *Sdn. Bhd.* [Sendirian Berhad]. Kita boleh letak mana-mana saja. Macam dulu saya letak Jalil Enterprise. Nama datuk, Enterprise sahaja. Maknanya, tidak pergi *register* [daftar]. *Register* [daftar] pun *dua puluh lima ringgit* [RM25]. *Register* [Daftar] di bangunan di Bandar Johor Bahru tu. Tetapi bila kita buat *Sdn. Bhd.* [Sendirian Berhad], datuk hantar nama Jalil Sdn. Bhd., Jalil Enterprise, ditolak. Jadi, macam mana agaknya boleh jadi Jalen itu? Jalen itu sebenarnya ada nama. Jalen itu bukan nama orang, tetapi ada makna dia. Siapa dapat tahu? Kau mesti tahu kan? [menuding pada Noor Liyana]. Tak tahu? J A L E N itu, Jalil nama datuk. Jadi, datuk ambil J A L dan datuk potong I L itu. Datuk masukkan E N itu (bunyi pemunggaran barang). Maknanya E N itu Enterprise. Dan Jalen itu jugak ada makna. Ada nama, memang sedap. Jelas Amat Lazat Enak dan Nikmat. Itu sampai sekarang diberkati Allah subhanuwataala, Allah berikan nama itu. Makna dalam Jalen itu, penuh dengan seni kata. Sekarang siapa yang makan kicap Jalen, rasa nikmatnya, nikmat benar. Alhamdulillah, sebab datuk pun boleh buktikan bahawa salah seorang peminat kicap Jalen ini daripada Selangor. Botol yang besar itu, dia makan, sebuah rumah, satu bulan satu dozen. Dia telefon datuk, “kenapa, apa sebab

kicap Hj. Jalil macam itu?”. Masa datuk belum dapat Datuk. Dia kata, “kenapa kicap awak aniyakan anak keluarga saya?”. Cucu-cucu dia semua makan dia letak kicap. Biskut pun letak dengan kicap. Dia kata makan sekeping biskut itu saja, lebih pada sesudu kicap, mana tak habis, katanya. Kalau dah dia makan sepuluh keping biskut, *dah* [sudah] berapa sudu kicap. Dekat setengah botol kicap. Itu selain daripada ayam, sayur atau roti atau lain. Semua ada kicap. Alhamdulillah, sampai sekarang. *Ni* [Ini] berkatNya.

**NL : Macam kicap yang sekarang, boleh tahan lama macam kicap yang ini (menunjuk pada kicap yang datuk keluarkan) tak?**

**DJ : Sama. Tetapi bila nak tahan lama? Kejap saja, habis. Maknanya, tahan lama, tetapi simpan, jangan makan. Hari ini, kalau nak lebih sedap lagi, kalau musim panas ini, jemurkan saja. Lagi sedap. Maknanya selepas jemur itu, ambil nasi yang baru masak, makan kicap dengan nasi saja. Mahu tiga pinggan makan.**

**NL : Macam mana Datuk memastikan produk keluaran Jalen ini mempunyai kualiti yang tinggi?**

**DJ : Kita jaga kualiti. Tak pernah kita ubah. *Pasal* [kerana] datuk mesti tekankan pada anak-anak datuk, yang buat resepi itu daripada datuk dulu, datuk turun kepada cucu datuk, anak-anak datuk. Dia yang bertanggungjawab. Jangan ubah**

sedikit pun.

**NL : Ini masih resepi yang sama daripada awal? Tidak ada ubah?**

**DJ :** Sama. Tidak ada beza. Mana boleh *diorang* [mereka] nak ubah resepi. *Pasal* [kerana] resepi itu memang kita *dah* [sudah] susun. Macam kita buat, macam mak kamu masak asam pedas. Lepas itu, dia masak asam pedas, dia *tak* [tidak] letak asam. Jadi asam pedas tak? Tidak kan? Dia jadi pedas saja. Kuah pedas saja, asam *takde* [tidak ada]. *Pasal* [Kerana] asam pedas itu mesti kena dengan asam dan pedas. Lada dan asam. Asam itu mesti bukan asam daripada cuka, bukan asam daripada pokok *pelam* [mangga], ataupun asam daripada yang lain-lain. Tetapi mesti daripada asam keping. Kalau asam yang hitam itu apa nama?

**NL : Asam jawa.**

**DJ :** Yang itu *tak* [tidak] kena. Mesti daripada asam keping atau asam gelugor. Itu baru kena asam pedas. Resepi kita kena resepi yang kekal. Datuk cakap dengan anak-anak datuk, jangan sedikit pun ubah. Ubah, mesti lari. Datuk tahu. Kalau dulu, bila buat, mesti datuk rasa dulu. Sekarang ini, datuk dah tengok lebih pada tujuh kali, datuk rasa benda itu kekal, maknanya tidak ubah. Kadang-kadang ada yang silap, terkurang\_ (bunyi telefon).



NL : **Okay. Macam yang kita tahu, produk Jalen ni [ini] satu produk yang terkemuka, apa strategi Datuk dalam memasarkan semua produk Jalen.**

DJ : Kita ada *manager* [pengurus] sendiri. Kita ada pengurus pemasaran sendiri. Itu yang patut datuk belajar dengan Jepun. Kita *tak* [tidak] boleh buat sendiri. Kalau kita nak buat sendiri, jawabnya kalau rumah tangga harus---, tapi kalau bila anak-anak dah besar, anak yang bertanggungjawab. Macam datuk, datuk lantik seorang pengurus jualan sahaja. Gaji dia dalam *enam ribu* [RM6,000]. Dia bukan kelulusan daripada pemasaran tapi dia *engineer* [jurutera]. Maksudnya orang melayu kita *ni* [ini] semua boleh. Walaupun dia *engineer* [jurutera] tetapi dia boleh buat pemasaran. Alhamdulillah dengan tenaga yang dibantu oleh beberapa orang rakan-rakan dia, dia berjaya. Di setiap cawangan, kita ada *manager* [pengurus]. ---kemudian *manager* [pengurus] tu bergantung pada kita sendiri.

NL : **Ada *tak* [tidak] Datuk menggunakan bantuan media untuk memasarkan produk Jalen di radio atau televisyen?**

DJ : Ada. Macam kita buat *billboard* [papan iklan]. Satu *tu* [itu] untuk tiga bulan ada yang *enam puluh ribu* [RM60,000], ada yang *lima puluh ribu* [RM50,000]. Tengok kepada kawasan. Dia macam negeri *ni* [ini] macam-macam la. Kalau kawasan *ni* [ini] kena bayar *ni* [ini], nak buat iklan kena pergi jumpa penguasa negeri, tanya boleh *tak* [tidak] aku buat kat sini. Dia kata awak kena bayar.

Macam kita iklan dalam radio *tu* [itu] kita mintak bantu, kerana mulut ke mulut ni *tak* [tidak] sampai jadi kita gunakan media massa dan *billboard* [papan iklan] tu untuk kita buat orang tengok ohh kicap Jalen. Jadi orang cubalah. *Tapi* [Tetapi] setakat hari ni pengalaman datuk lah, siapa *dah* [sudah] rasa kicap datuk, pengeluaran datuk, dia *tak* [tidak] boleh ubah. Bukan ada hantu, *takde* [tiada]. *Tapi tu* [itu] lah penarikan. Cuba juga kamu, orang *laki-laki* [lelaki] baik orang perempuan, jangan sampai orang perempuan jumpa orang lelaki, lepas itu dia menyampah tengok, kalau orang perempuan begitu juga, bila dia jumpa orang *laki-laki* [lelaki], *laki-laki* [lelaki] tu menyampah tengok dia. Itu kena betulkan, mesti ada *something wrong* [sesuatu yang tidak kena] dalam diri kita. Sama ada kita *ni* [ini], mintak maaf lah bukan kamu semua, kamu semua cantik-cantik, mungkin yang kurang cantik *tu* [itu] dia *tak* [tidak] solek, kedua gigi *tak* [tidak] gosok, yang ketiga ketiak bau, lepas tu mulut busuk, yang keempat badan busuk, baju *tak* [tidak] basuh, orang *laki-laki* [lelaki] tak nak dekat, orang perempuan pun tak nak dekat. Kalau orang perempuan pakai, orang *laki-laki* [lelaki] tak nak dekat, kalau orang *laki-laki* [lelaki] pakai, orang perempuan tak nak dekat, pasal apa, sebab itu lah. Cuba juga macam kita dalam iklan, kita kena betulkan. Dalam resipi datuk *ni* [ini], kata orang tak kenal tak cinta, *dah* [sudah] kenal baru jatuh cinta. *Dah* [sudah] jumpa, jatuh cinta lah jadinya. Takat hari *ni* [ini], *ni* [ini] apa pengalaman yang datuk tahu, siapa yang beli kicap datuk, dia tidak akan berubah. Dia tidak akan tukar, *tu* [itu] sebabnya hari ni, kita boleh jual sampai *lima juta ringgit* [RM5,000,000] sebulan. *Lima*

*juta* [RM5,000,000] cik, *sikit* [sedikit] ke? Agak-agak *lima juta* [RM5,000,000] ni banyak tak? Kalau *lima ratus ribu* [RM500,000] *tak* [tidak] banyak kan? *Lima juta* [RM5,000,000] sebulan. *Tu* [Itu] sebab pengeluaran kita jangan kurang daripada tiga puluh ribu botol sehari. Kalau kurang daripada tiga puluh ribu ni kita *short* [terjejas], *out of supply* [kehabisan stok]. Di sini kita ada seratus orang lebih pekerja.

NL : **Okay, yang macam Datuk cakap tadi, anak-anak Datuk terlibat juga dalam perniagaan Jalen *ni* [ini]. Adakah ini akan menjadi perniagaan warisan turun-temurun?**

DJ : Mungkin. Mungkin lah, ada ke agak-agak, agak-agak lah, bila datuk dah mati *ni* [ini], dah mati esok, kicap Jalen ditutup? *Takkan* [tidak akan] tutup kan? Tapi sebelum datuk mati, datuk dah buat persiapan, semua cucu-cucu datuk yang nombor satu, mana yang sulung daripada cucu-cucu datuk, dia akan mewarisi harta datuk. Mesti kamu tanya kenapa *tak* [tidak] anak. Anak ada tujuh, tapi yang mewarisi kat sini ada empat orang sahaja. Yang berkerja dengan datuk ada empat orang, tapi *in future* [akan datang], datuk dah buat *preparation* [persediaan], siapa yang akan mewarisi harta datuk. Selain daripada anak datuk, mesti cucu datuk yang pertama. Kerana datuk tidak ada pelajaran, anak datuk ada pelajaran tetapi tidak melebihi pada *Degree* [Ijazah Sarjana Muda]. Tapi mungkin cucu datuk dah ada Master [Ijazah Sarjana] ataupun *PhD* [Sarjana

Kedoktoran] sebab salah seorang dari cucu datuk hari *ni* [ini] dia sedang praktikal, tapi bidang agama lah. Dia ambil bahagian fatwa. Bahagian fatwa ni, yang pegang jawatan itu adalah mufti *je* [sahaja]. Maknanya kemampuan dia, dia boleh buat. Datuk dah buat surat wasiat dengan *lawyer* [peguam] datuk, bahawa cucu datuk tu dah [sudah] *stated* [disenaraikan] nama dia. Sebab dia dah layak dan itu orang yang akan mewarisi harta datuk. Harta datuk hari *ni* [ini] kalau dikumpulkan *tak* [tidak] lari dari *lima puluh juta* [RM50,000,000]. Selain dari hasil pendapatan.

**NL : Adakah Datuk mempunyai pesaing sepanjang Datuk menjalankan bidang perniagaan?**

DJ : Setakat hari *ni* [ini] memang banyak persaingan. Kicap *ni* [ini] ada empat ratus pengeluar kicap di dalam Malaysia termasuk Cina, Melayu dan India. Tapi Cina setakat hari *ni* [ini], dia *tak* [tidak] boleh lawan kita. Sebab orang Melayu dah sedar sekarang. Tapi kalau buka ataupun kita dedahkan keburukan makanan Cina *ni* [ini] kotor. Kadang-kadang kita orang Melayu yang jahil, *takpe* [tidak mengapa], kotor kita tak nampak. Kalau kotor depan dia pun, kadang-kadang dia tolak lepas *tu* [itu] dia makan. Sebab datuk kata begitu air kicap yang dibuat ini, dia tidak sama macam kita buat. Kalau kamu ada masa datuk benarkan kamu pergi tengok macam mana kita perap air kicap *ni* [ini]. Air kicap *ni* [ini] datang daripada kacang soya yang *dah* [sudah] direbus, yang rebus tu memang boleh

makan. Lemak kacang soya. Kacang soya *tu* [itu] kalau makan banyak *ni* [ini] (menunjukkan segenggam) *je* [sahaja], kalau orang memang *dah* [sudah] ada punca darah tinggi dia akan pening kepala. Tinggi kandungan nitrogen. Kalau kita tengok cina, datuk sendiri tengok, bukan datuk fitnah. Datuk *tak* [tidak] buat fitnah, datuk tengok sendiri. Datuk pergi masa mula-mula datuk buat kicap, beli air kicap. Pasal kita orang Melayu *takde* [tiada] buat, kita beli *kat* [pada] orang Cina. Kita nak belajar benda tu. Beberapa bulan, datuk pergi tengok sendiri tempat kicap *tu* [itu], dia punya tembok simen rendam kicap *tu* [itu] tinggi *ni* [ini] (menunjukkan ketinggian). Anjing pun sama tinggi dengan tembok *tu* [itu]. Itu datuk *tak* [tidak] hairan, tapi datuk tengok najis anjing *tu* [itu] *kat* [di] atas tembok. Datuk terus cakap *kat* [pada] *driver* [pemandu], jom kita balik. Jangan beli. Sebab *tu* [itu] lah datuk kata, orang Cina memang dia buat kotor. Kerana orang Cina *ni* [ini] dia busuk hati dengan orang islam. Dia serupa juga orang yahudi, bencikan orang islam. *Diorang* [Mereka] *ni* [ini] belajar dengan orang yahudi jangan sayangkan orang islam. Jadi, burukkan orang islam, carikan dia makan tetapi orang Melayu kita *tak* [tidak] faham. Kamu kena ingat bila datuk pesan ni, kamu kena ingat. Beritahulah keluarga memang Cina pengotor, memang kotor kicap dia, kalau tengok kicap pun kotor, macam mana yang lain, yang lain pun mesti kotor. Mana ada bersih. Dia berkerja dengan seluar pendek *je* [sahaja]. Kita dengan *smart* [kemas] nya pakai pergi bekerja. Pergilah tengok kalau kilang-kilang cina, pergi tengok sendirilah. Tapi Jepun, dia *tak* [tidak] benarkan datuk pergi dekat dengan dia punya pengeluaran. Lima puluh meter,

lima puluh kaki lah baru dapat tengok. Tempat pemerapan dia tu, dia bukan pakai tong, bukan pakai kolah, tapi dia macam kolam besar. Macam seluas-luas *office* [pejabat] datuk *ni* [ini] dia buat. Macam laut. *Tapi* [Tetapi] terdedah maknanya kita jangan kata lipas lah, kalau cicak *ni* [ini] melambak atas benda tu. Dia bukan orang islam, kerana sebab itulah dia tidak benarkan orang datang melawat masuk ke dalam *tu* [itu]. Datuk macam orang *special* [istimewa] yang datang daripada Malaysia dan datuk juga adalah pengusaha kicap dan dibenarkan tengok lima puluh kaki *je* [sahaja]. Kita nampak lah melaut macam tu. Nampak lah ada hitam sana, hitam sini. Adalah cicak ke, tikus ke masuk. Maknanya kalau tikus masuk dalam *tu* [itu] dia memang tak boleh naik, dia melekat. Dia melekat nak jalan tak boleh. Kemudian, dia keraskan air kicap tu sekali *je* [sahaja] sampai jadi macam papan lapis. Maknanya teknologi dia. Dia *press* [tekan] *tu* [itu] sampai habis, sampai melekat. Lepas *tu* [itu] dia jual. Dia jual *tu* [itu] untuk makanan kuda tapi ada juga pengusaha di Malaysia, di Pulau Pinang ambil dan jual balik. Dia masuk air garam lagi, lepas itu dia jual balik. Sebab dia ekstrak baru sekali, benda tu boleh ekstrak dua kali. Kita ambil sekali, kemudian kita letak air garam lagi sekali untuk simpan, enam bulan lepas *tu* [itu] boleh ambil lagi. Itulah keadaan mereka, kotor. Itu sebabnya datuk kalau sesiapa datang sini, tengok sendirilah. Kalau kau pergi kau ada jumpa tulang ikan, kau beritahu aku lah. Aku akan bayar kau *sepuluh ribu* [RM10,000]. Tulang ikan *je* [sahaja]. *Tapi* [Tetapi] jangan lah kau bawak, kau nak dapat *sepuluh ribu* [RM10,000], kau masukkan dalam poket lepas tu kau masukkan.

*Tak* [tidak] boleh lah. Itu kebersihan yang kita jaga.

NL : **Jadi apa langkah Datuk untuk mengatasi pesaing yang ada di pasaran sekarang?**

DJ : Tidak ada masalah sebab datuk target daripada tiga puluh juta, datuk *tak* [tidak] target separuh, datuk *tak* [tidak] target suku. Datuk target lima juta sahaja. Dulu lima ratus ribu, tahun ni tiga puluh juta, ambil lima juta *je* [sahaja]. Lima juta pun agak-agak kalau seorang sebotol je, kalau lima juta bagaimana? Sebab itu lah datuk tidak mahu *conquer* [menguasai] sampai tiga puluh juta. Yang lebih dua puluh lima juta datuk *dah* [sudah] tak ambil. Masing-masing ambil lah buat cari makan. Jangan kacau lah senang cerita. Datuk *tak* [tidak] pernah iri hati. Tak pernah orang kata (batuk) kau kaya lah, macam diorang [mereka] buat ni, itu tabiat. *Ni* [Ini] ada Syarikat Faiza buat, buat lah. *Takpe* [Tidak mengapa]. Kau ambil yang lain, kita ada tiga puluh juta, kita punya kategori penduduk, kita Melayu ada empat puluh lima peratus. Kita Melayu lebih dari Cina. Cina ada berapa peratus *je* [sahaja]. Cina kita jangan usik, kita ambil orang Melayu kita *je* [sahaja]. Orang Malaysia pun kalau ada tiga puluh juta, dekat dua puluh juta orang Melayu, yang lebih *tu* [itu] orang India dan Cina. *Ni* [ini] yang dua puluh juta, datuk ambil lima juta, yang lebih lima belas juta ambil lah. Datuk pun *tak* [tidak] ambil orang Cina punya dan hari ni, kalau mengikut rekod datuk dapat tahu Cina pun ambil barang datuk. Pasal dia tahu datuk punya cili sos sedap.

Kalau makan dengan biskut pun sedap. Biskut cream crackers *tu* [itu] kalau letak sos lepas *tu* [itu] kunyah sambil buat thesis ke. Itu menambahkan selera.

**NL** : Adakah datuk pernah terfikir yang datuk akan berjaya seperti sekarang?

**DJ** : Datuk *tak* [tidak] fikir, datuk *tak* [tidak] fikir langsung. Ini kerja Allah SWT. Datuk tak fikir datuk boleh jana sampai *lima juta* [RM5,000,000]. Datuk punya target cuma tak sampai *satu juta* [RM1,000,000]. *Lapan ratus ribu* [RM800,000] *je* [sahaja]. Itu kira dalam sepuluh tahun, lima belas tahun dulu. Datuk tak target pun. Maknanya *takde* [tiada] langsung fikirkan. Datuk punya target cuma antara *lapan ratus ribu* [RM800,000] ke *sembilan ratus ribu* [RM900,000] *je* [sahaja]. Itu taraf orang Melayu punya pemikiran. *Tapi* [Tetapi] hari *ni* [ini] terbuka bila anak-anak datuk ada. Maknanya peluang perniagaan ni terserah pada kita. Kalau kita berusaha dengan rajin, kita cari peluang. Jangan sampai esok yang *laki-laki* [lelaki] sampai lima puluh tahun belum kahwin lagi. Sebab tidak ada orang yang minat. Kita kena kaji. Maknanya lepas *je* [sahaja] sekolah esok, ada peluang, *dah* [sudah] kahwin. Itu *je* [sahaja] contoh, kerana datuk fikir dalam segi perniagaan pat-pat siku lipat, siapa cepat dia dapat. Serupa juga kalau kita nak kahwin, jangan sampai kahwin *dah* [sudah] tua. Bila *dah* [sudah] tua, umur *dah* [sudah] empat puluh baru nak kahwin, anak nombor satu pergi sekolah kita umur empat puluh enam tahun. Empat puluh enam tahun macam mana rupa dia? Ha *tu* [itu] contohnya. Kita tengok sekarang keadaan



orang umur empat puluh enam tahun, anak baru nak sekolah. *Tapi* [Tetapi] kalau kita kahwin umur tiga puluh tahun ke bawah, maknanya umur kita tiga puluh tahun lebih anak kita *dah* [sudah] sekolah. Kita tengok pulak keadaan orang tiga puluh tahun lebih macam mana rupa dia dengan orang baya empat puluh enam tahun. Kadang-kadang gigi *dah* tinggal separuh. Itu contoh.

**NL : Adakah Datuk terfikir untuk pelbagaikan lagi produk yang sedia ada?**

DJ : Datuk nak sampai empat puluh jenis. Hari *ni* [ini] dalam pemikiran datuk, datuk nak sampai empat puluh jenis. Empat puluh jenis pengeluaran Jalen Sdn. Bhd. Bukan setakat kicap *je* [sahaja]. Kita akan gandingkan, kita akan tarik lagi. *Tapi* [Tetapi] hari ini, yang ada sekarang ini, *tak* [tidak] cukup kapasiti. Kapasiti kita *tak* [tidak] membenarkan lagi. Maknanya kalau kita nak sampai empat puluh jenis, datuk kena cari dua kali ganda tanah macam *ni* [ini] ataupun buat tempat lain. Sebab itu kalau kamu ingat, datuk letakkan cucu datuk jadikan pewaris datuk. Generasi yang akan datang akan meluaskan lagi. Ni pokok *dah* [sudah] ada, dia punya akar pun *dah* berjalan. Kalau esok akar dia menjalar tumbuh pulak *kat* [di] sini. Kita tak perasan. Bila akar berjalan, dia tumbuh *kat* [di] sana, macam pokok sukun. Pokok sukun, dia akan menjalar dan tumbuh benih daripada akar dia. Serupa juga kita akan buat. Kita mesti ada satu teknologi pemikiran. Syaratnya kita kena berusaha. Usaha kita kena jelas. Usaha kita jangan seperti perbidaraan orang Melayu, hangat-hangat tahi ayam. Mesti usaha

dengan penuh dedikasi, dengan penuh cekal. Bersemangat. Jangan hangat-hangat tahi ayam. Kejap itu, kejap ini. Bukan datuk nak menghina orang Melayu. *Tapi* [Tetapi] itulah kebanyakan orang melayu. Nak jadi *engineer* [jurutera] tak boleh jadi *engineer* [jurutera]. Nak jadi arkitek, tak jadi arkitek. Jadi pengusaha, tapi sekejap sahaja. Jadi pekebun pun tak lama. Bila *dah* [sudah] kena panas, kena banjir, terus tutup. Maknanya dia tidak langsung memikirkan qada' Allah. Kerana Allah pernah kata, "Aku tidak akan seksa hamba-hamba aku sampai dia susah sangat, dia akan Aku ganti dengan kesenangan yang lain". Itu Allah yang kata. Itu dalam Al-quran jelas berkata. Sebab itu datuk pegang dalam hidup. Maknanya kita kena usahalah. Kena usaha. Kamu juga kena berusaha. Jangan sampai *Degree* [Ijazah] esok *dah* [sudah] berhenti. Ada peluang kahwin, kahwin. Habis cerita. Bila *dah* [sudah] kahwin, jangan haraplah. Kalau nanti ada kemampuan untuk belajar lagi *takpe* [tidak mengapa], sampai umur enam puluh, tujuh puluh tahun dia boleh dapat *Degree* [Ijazah] lagi. Ada yang dapat lah pasal dia berusaha. Tapi kena ingatlah esok anak *dah* [sudah] berderet, pegi belajar perut *dah* [sudah] besar. Yang lelaki pun macam *tu* [itu] juga. Yang gemuk *tu* [itu] gemuk lagi. Itu contoh. Itu nasihat datuk kepada kamu semua. Jangan berhenti setengah jalan. Kalau kamu nak jadi seorang pengusaha, usaha lah daripada mula. Cari lah jalan macam mana nak jadi pengusaha. Kalau nak buat kicap, datuk ajar. Walaupun datuk tidak ada *basic* [asas] tapi datuk boleh tunjukkan formula dia. Datuk *tak* [tidak] lokek. Jangan pula minta modal dari datuk. Nak buat cili sos, cili sos bukan pakai lada

merah. Bukan lada basah. Pakai lada kering *je* [sahaja]. Kena la tahu bancuh dia macam mana.

**NL : Pernah tak Datuk bercadang untuk pasarkan produk Jalen di pasaran antarabangsa?**

DJ : Emm ada. Tapi tidak begitu seratus peratus kerana datuk *tak* [tidak] minat pergi *oversea* [luar negara], kerana *oversea market* [pasaran luar negara] ni datuk dah mula dulu, tidak jauh, Singapura *je* [sahaja]. Singapura tu dah kira *oversea market* [pasaran luar negara], maknanya luar daripada negara kita. Risikonya tinggi kerana kalau pengusaha sana ataupun pembekal sana ambil barang kita, kalau dia nak menipu kita paling senang. Kalau dia tak nak barang kita paling senang. Dia *reject* [tolak] barang kita. Kalau kita hantar satu treller, dalam satu treller tu lebih kurang dalam *lima puluh ribu* [RM50,000] lah harganya. Kalau dia *reject* [tolak] barang kita, dia kata tak boleh barang *ni* [ini], ada jumpa label rosak atau dia jumpa sompek di botol *tu* [itu], dia akan *reject* [tolak]. Dia akan *reject* [tolak] dan dia akan *demand* [meminta]. Sedangkan sompek *tu* [itu] tidak ada masalah, dalam *tu* [itu] *tak* [tidak] rosak. *Tapi* [Tetapi] peraturan dia, kena *reject* [tolak]. *Reject* [tolak] bukan satu botol, tapi semua sekali *reject* [tolak]. Bila semua *reject* [tolak], harga kita mereka *dah* [sudah] tidak terima. Kalau harga *lima ratus ribu* [RM500,000], dia minta boleh tak *lima ribu* [RM5,000] *je* [sahaja]? Kalau *lima ribu* [RM5,000] dia ambil. Maknanya kita rugi. Kita rugi

*empat ratus sembilan puluh lima ribu [RM495,000]. Itu kerja orang oversea [luar negara]. Itu yang datang tak [tidak] minat. Berapa banyak syarikat-syarikat maju yang ada di Johor ni [ini], kawan-kawan datang, tutup. Kalau kamu tahu, kalau kamu ingat, tapi [tetapi] memang kamu tak ingat ada satu syarikat kawan datang, Jaza nama dia. Awak nak tengok dia punya kilang terbengkalai dekat Jalan Tampoi, bersebelahan dengan BP, sebelah Bumi Hijau. Itu kilang Jaza. Dia bankrupt [muflis] dua juta [RM2,000,000]. Dia hutang dengan bank dua juta [RM2,000,000]. Itu makin buat datang takut dengan berhutang. Tapi [Tetapi] alhamdulillah hari ini, datang tak [tidak] berhutang. Mereka (bank) yang beri. Mereka beri pun kita tak pakai duitnya, jadi tak [tidak] hutang lah. Walaupun kita hutang tapi kita simpan duitnya. Kita dapat lah sedikit hasilnya. Kalau letak deposit lima juta [RM5,000,000], tiga persepuluh lima peratus satu bulan dapat lah duit kita. Duit dia (bank) kita berniaga kat [di] situ. Alhamdulillah.*

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN

- NL : Apakah kejayaan terbesar yang pernah Datuk dapat selama berkecimpung dalam bidang perniagaan ini?**
- DJ : Pencapaian besar datang baru ni, sebulan lepas datang dapat Anugerah Usahawan Berjaya Malaysia. Dapat award [ganjaran] lima puluh ribu [RM50,000] seluruh**

Malaysia. Ini ada sijil (menunjukkan sijil). Itu kejayaan lah yang datuk boleh banggakan. Maknanya usaha datuk *tu* [itu] diterima oleh kerajaan dan diterima juga oleh badan swasta.

**NL : Okay, seperti yang kita tahu Datuk ni dapat gelaran Datuk, jadi boleh kami tahu bila Datuk dapat gelaran ini?**

DJ : 2009, di Melaka.

**NL : Apa perubahan yang dapat dilihat dari segi kehidupan, ekonomi sejak Datuk menceburi bidang perniagaan ini?**

DJ : Ohh banyaklah perubahan. Dulu datuk pakai kereta Jepun *je* [sahaja], sekarang datuk pakai kereta British. Datuk beli baru, itu *je* [sahaja]. Datuk pakai Mercedes baru, pakai Audi baru, pakai BMW baru. Datuk *tak* [tidak] mimpi pun datuk pakai BMW. Sedikit pun *tak* [tidak] mimpi tapi Allah kurniakan datuk atas kesabaran datuk itu agaknya. Tapi anak-anak datuk, kalau macam pakaian *ni* [ini]---, kalau kau nak tengok kasut datuk yang tak pakai ada nak dekat dua puluh pasang. Tak pakai lagi. Yang dalam *ni* [ini] pun ada lagi. Kadang-kadang pakai pergi jalan lepas itu kopak, pasal apa, lama tak pakai. Itu kejayaan lah. Kejayaan yang sangat membanggakan. Datuk tak pernah dapat yang itu---. Kalau kamu tengok bukan datuk nak merendah diri la. Datuk tak nak sombong.

Tak nak tunjukkan apa yang datuk ada- kerana itu kurniaan Allah SWT. Datuk takut kalau kita sombong terutama sekali dengan bangsa kita sendiri, agama kita sendiri, takbur pada Allah- datuk takut datuk jadi jahil dan tidak menerima kesyukuran Allah. Allah akan tarik rezeki kita bila-bila masa. Datuk pesan juga kamu semua jangan ingat hari ni aku cantik sangat, aku lawa sangat, aku *handsome* [kacak] sangat. Satu masa, satu ketika, bila kita dapat bencana yang tidak didugakan, nanti muka kita senget, gigi habis separuh. Makna datuk pesan, nasihat datuk bersyukur kepada Allah. Selalulah niat pada Allah, mohon kejayaan dari Allah. Kalau kita percaya pada Allah, insyaAllah. Kalau kita mohon pada Allah, insyaAllah. Sembahyang lah tahajud. Kalau tak dapat tiap-tiap malam, seminggu sekali sembahyang tahajud. Bangkit tengah malam, berdoalah dengan penuh air mata. Jangan mengharapka ibu bapa. Ibu bapa memanglah doa dia makbul, tapi kita kena berdo. Bangkitlah tengah malam. Datuk amalkan itu. Datuk tengah malam, pukul dua, pukul tiga, buatlah enam rakaat ke, empat rakaat ke. Dua tiga salam. Dua rakaat satu salam. Buatlah, bacalah doa---. Pasal apa, masa *tu* [itu] kita bersendirian duduk dalam bilik kita tanpa orang mendengar, tanpa orang lihat. Yang melihat Allah SWT, malaikat kanan kita. *Tu* [Itu] nasihat datuk lah kalau kita nak berjaya. Datuk kata kemenangan datuk adalah pertolongan Allah, bukan pertolongan manusia. Kalau datuk nak katakan datuk nak menangis, datuk boleh menangis. Masa datuk susah, *takde* [tiada] seorang pun tolong datuk. Sama ada keluarga datuk, sama ada adik-beradik datuk, ataupun badan-badan macam MARA ke---. Itu

lillahita'ala. Kerana kalau kita *ni* [ini] miskin, kalau kita *ni* [ini] tak de duit, orang lain *tak* [tidak] boleh tolong. Yang boleh tolong kita sendiri. Kita berdoalah pada Allah. Allah makbulkan doa datuk dan datuk dapat anak pun nak kata soleh pun tak berapa soleh lah, nak kata solehah pun tak berani. Setakat hari *ni* [ini] mereka ikut perintah datuk, dia ikut perintah Allah. Jadi datuk pesan, kamu begitulah. ---pada ibu bapa, sayanglah ibu bapa dan kasihlah ibu bapa. Tanpa dia kita *takkan* [tidak akan] lahir. Tanpa dia kita *takkan* [tidak akan] besar. Tanpa dia kita tidak akan dapat menjejakkan kepada kemewahan yang ada sekarang *ni* [ini]. Itu sebab dia lah. Sebab itu kita jangan lupa apakah jasa ibu bapa kita. Itu nasihat datuk supaya benda *ni* [ini] diberkati segala-gala permohonan kita. Kamu kena belajar. Ya Allah, kau tolong lah ibu aku. Kalau dia sakit, sembuhkanlah penyakitnya. Kalau dia susah, berikanlah kelapangan. Kau tolonglah aku, kerana dia lah aku jadi---. Jangan kau hampakan niat dia. *Tu* [Itu] doa. Cakap Bahasa Melayu *je* [sahaja]. Allah *tu* [itu] semua tahu. Kalau kita doa dengan air mata insyAllah lagi diterima Allah kerana Allah ada kat sini. Allah paling dekat dengan kita. Maknanya, apapun kita buat Allah tahu.

**NL : Apa perasaan Datuk apabila dianugerahkan tokoh usahawan dan dapat gelaran Datuk?**

**DJ : Datuk banggalah kerana datuk *dah* [sudah] cakap tadi datuk bukanlah seorang yang ada akademik. Datuk bukan datang dari orang kaya. Datuk daripada orang**

yang tidak mempunyai pelajaran. Orang tidak mempunyai pelajaran juga akan berjaya atas pertolongan Allah. Kalau datuk keturunan dari orang kaya, mungkin datuk bangga kerana mak bapak datuk yang tolong. *Tapi* [Tetapi] datuk berjaya adalah atas budi bicara datuk sendiri atau usaha datuk sendiri. Tentulah datuk bangga. Bangga, sangat bangga. Datuk berbesar hati, datuk terima anugerah satu Malaysia. Menangis datuk. Kerana yang ada *tu* [itu] orang muda-muda, tapi datuk– maknanya, orang kerdil lah. Naik kemuncak macam *tu* [itu] lah. Takkan lah tak bangga, *tak* [tidak] bersyukur namanya *tu* [itu]. Mesti bangga. Mesti berbesar hati.

**NL : Okay, Datuk selalu jugak mengadakan program untuk penduduk-penduduk di sekitar rumah Datuk seperti ceramah agama. Jadi boleh Datuk ceritakan sedikit program-program yang pernah Datuk anjurkan?**

**DJ :** Itulah tanda terima kasih datuk kepada Allah. Apa datuk nak ganti? Adakah Allah kata, “Oh, kau dah pakai duit, kau mesti bayar balik aku *dua juta* [RM2,000,000], tiga juta [RM3,000,000]”. Ada tak? *Takde* [tiada] kan? Apa kita nak bayar pada Allah? Terima kasih kita pada Allah, *ni* [ini] yang kita buat. Kita buat macam itu. Dah lebih sepuluh tahun datuk anjurkan *tu* [itu] semua. Kau tanya mak, kau tanya ayah, berapa pakaian yang mereka ada (pakaian pemberian Datuk). Dia tak payah beli kain dah. *Diorang* [Mereka] *tu* [itu] dah ada dekat lima puluh pasang baju melayu, kalau mak dia *dah* [sudah] ada lima puluh



pasang dah. Dia dah *separate* [asingkan] kan satu *gerobok* [almari] lagi. Bukan datuk bangga benda *tu* [itu] tapi maknanya datuk bayar balik hutang datuk pada tuhan. Bukan hutang datuk pada tuhan *tu* [itu] dia suruh *enjoy* [menikmati] pergi buat maksiat, nanti datuk dapat dosa. Datuk kumpulkan satu kumpulan yang membuat ibadah. *Dah* [Sudah] sepuluh tahun. Kalau dulu-dulu dia *tak* [tidak] pandai membaca al-quran, hari *ni* [ini] dia *dah* [sudah] boleh membaca al-quran, *dah* [sudah] boleh membaca al-quran dengan baik. Kalau dulu boleh baca *tapi* [tetapi] tidak sama dengan sekarang. Begitulah. Apa datuk nak bayar kepada tuhan? Nak ganti balik hasil Allah bagi pada datuk. Itu yang datuk bagi pada hamba-hamba-Nya yang soleh. Hamba-hamba Dia yang solehah. Hamba-hamba yang taat pada Dia. Itu bukan kejayaan datuk *tapi* [tetapi] banyak lagi yang datuk nak buat. Umpamanya kalau datuk ada sampai sekarang *ni* [ini]---. Macam yang telefon tadi, dia anak yatim piatu. Mak *takde* [tiada], bapa *takde* [tiada]. *Tapi* [Tetapi] segar lagi lah, muda. Bukan macam baya datuk. Muda lagi tapi sakit. Sakit– kepala dia *dah* [sudah] kena belah. Maknanya kerosakan otak. Ada *fungus* [kulat] atau benda-benda yang merosakkan otak. Jadi bila dia cakap macam *tu* [itu], perlu tak kita tolong? Pasal dia ada anak, usaha dia untuk menjayakan anak-anak dia, sebelum dia mati dia nak menjayakan anak-anak dia. Itu satu wasiat. Dia ada isteri. Isteri dia bukan orang Malaysia, orang Brunei. Dia duduk dekat sini berjauhan dengan keluarga. Ini datuk terfikirkan---. *Takpe* [Tidak mengapa] lah, ada duit, bagilah. Kau nak bayar, bayar. Tak nak bayar–memang dah hak kau. *Tapi* [Tetapi] dia kata dia nak hutang. Dia pinjam tapi

*takde* [tiada] cagaran. Kalau dalam Al-quran, kalau nak hutang mesti ada cagaran. *Ni* [Ini] tak, *takde* [tiada] cagaran. Datuk fikirkan bahawa dia *tu* [itu] anak yatim piatu, dia berusaha untuk menjayakan anak-anak dia kerana salah seorang daripada anak-anaknya akan dapat kerja walaupun masih belum tamat pelajaran untuk jadi pensyarah MARA. Sekurang-kurangnya, kalau dapat *dua ribu* [RM2,000] ke *tiga ribu* [RM3,000] dapat juga dia membantu keluarga dia. Itu contohnya. Datuk *tak* [tidak] tanya pun kau nak bayar bila? *Tak* [tanya] tanya. Datuk fikirkan dia anak yatim. Mana kalau kita---. Bagi datuk la, tak tahu la, nak kata datuk bangga, tidak lah. Allah gerakkan--- *takde* [tidak] fikir, “eh kau nak bayar bila?”, “macam mana?”. *Takde* [Tiada]. *Tak* [Tidak] terlintas. Okay lah, nanti bayar. Pasal dia berkehendak sangat. Dia nak berniaga. Itulah contoh.

**NL : Adakah Datuk akan perbanyakkan lagi program-program seperti program yang Datuk katakan tadi?**

**DJ : Banyaklah yang kita nak buat. Macam Qura' *tu* [itu]. Macam baru hari *tu* [itu], *sebelas hari bulan* [11 April 2014], kita buat syarahan agama maulud nabi bergabung dengan beberapa cawangan. Datuk kena korban sedikit lah, bercampur sedikit. Kawan-kawan *je* [sahaja] pun. Kalau esok ada makan, datuk ada lah bahagian datuk makan. *Tapi* [Tetapi] kalau kita tak campur--- itu selalu datuk buat. Bila ada orang nak buat itu, *ni* [ini] aku sumbang sedikit nak? Nak**

tumpang. Kalau esok dia dapat saham *sepuluh ribu* [RM10,000], datuk dapat *seribu* [RM1,000] *je* [sahaja] jadilah. Macam *tu* [itu] punya datuk fikir. Kalau dibayar--- diganti Allah. Allah janji. Dia kata, “setiap orang yang menyumbang ke jalan Allah, ke jalan agamanya, kesucian hatinya, dia akan aku ganti balik”. Itu *je* [sahaja] yang datuk fikir. Tapi tuhan nak ganti bukannya kita nampak. Kita bagi satu Allah bagi sepuluh. Macam kita berzakat, macam *tu* [itu] lah. Allah bagi sepuluh tapi kita *tak* [tidak] nampak. Cuba benda *tu* [itu] kita bagi satu, Allah bagi berlambak dalam tu sepuluh. Wah, banyak orang berebut. Berebut orang nak bagi. Tahan dia tak makan sebab dia nak bagi orang. Sebab dia nak dapat sepuluh. Tapi *takde* [tiada]. Macam datuk, Allah bukakan hati datuk.

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: PENGALAMAN

- NL : **Sebagai usahawan yang berjaya, adakah Datuk mempunyai mana-mana individu untuk dijadikan idola?**
- DJ : *Takde* [Tidak ada] lah, datuk *tak* [tidak] belajar dengan siapa-siapa. Jadi *tak* [tidak] dapat datuk nak berikan contoh. Datuk *tak* [tidak] belajar. Datuk sendiri menjadi idola kepada anak-anak datuk. Maknanya, biar dia sendiri tengok macam mana usaha ataupun tabah hati datuk menempuh kesusahan dan

kepayahan.

**NL : Boleh Datuk berikan tips yang berguna untuk dikongsikan kepada anak-anak muda yang baru berjinak-jinak terhadap bidang bidang perniagaan ini?**

**DJ :** Kalau diorang *ni* [ini] datang, macam baru-baru ini lebih kurang dalam seratus orang usahawan MARA, dia buat dekat UTM- dekat Jalan Pontian. Seratus orang. Pengusaha-pengusaha orang Melayu lah. Orang Melayu yang berusia, *laki* [lelaki] dan perempuan. *Tapi* [Tetapi] satu *je* [sahaja] perkara yang datuk tekankan pada orang Melayu, pada orang kita baik *laki-laki* [lelaki] dan perempuan, baik muda, baik tua. Orang Melayu *ni* [ini] memang dah jadi budaya dia, *takpe* [tidak mengapa], dia punya sifat. Perkataan '*takpe*' [tidak mengapa], 'sudahlah', 'biarkanlah', itu jadi budaya dia. Dia tak fikir---. Jangan cakap *takpe* [tidak mengapa]. Kita mesti cuba macam mana. Hari tu ramai lah pengusaha-pengusaha---. Datuk tanya berapa lama *dah* [sudah] awak berniaga? Dia kata *dah* [sudah] sepuluh tahun. Apa perkembangan awak? Macam *ni* [ini] lah. Hah itu dia. Macam ini lah. Macam ini *tu* [itu] macam mana? *Takde* [tidak ada] lah kembang katanya. Kenapa *tak* [tidak] berkembang? Dia kata tak boleh berkembang. Datuk jawab senang *je* [sahaja], kenapa kamu tak usaha? Kita kena fikirkan, kita kena buat sesuatu, macam tadi datuk *dah* [sudah] bagi perbidaraan, kalau tak kenal maka tak cinta. Kalau kita tak jumpa, kalau kita tak tahu, kita

takkan tahu. Kita kena ambil tahu baru kita dapat tahu. Habis kalau kita tak mahu ambil tahu, macam mana kita nak tahu. Itu sebabnya kita *ni* [ini] tidak maju sebabkan kita *ni* [ini] tak mahu ambil tahu. *Takpe* [tidak mengapa] lah, aku memang *takde* [tiada] tokoh, ataupun aku *ni* [ini]- tak berjaya. Dia berjaya *ni* [ini] atas diri kita. Bukannya kita kata berjaya *tu* [itu] atas diri orang. Cuba kita fikirkan orang. Kita fikirkan kenapa dia berjaya. Datuk fikir, buat bandingan dengan orang Cina. Kita lihatlah, apa pandainya Cina *ni* [ini]. Kalau tengok dari segi pelajaran, dia *takde* [tidak ada] pelajaran. Dia *takde* [tidak ada] pelajaran tinggi. Kalau ada pun *PhD* [Sarjana Kedoktoran], yang ada doktor berapa orang *je* [sahaja]. Dia pun tak berjaya. *Tapi* [Tetapi] yang berjaya *ni* [ini] adalah usahawan-usahawan yang gigih. Awak tengok ada satu Cina *ni* [ini] *tak* [tidak] sekolah, menulis pun *tak* [tidak] tahu. Di *Penang* [Pulau Pinang], apa yang dipanggil jual moto *tu* [itu]? Datuk tak tahu lah, datuk tak mahu ambil contoh pada dia. *Tapi* [Tetapi] dia menulis nama dia pun dia *tak* [tidak] tahu. Dia sekarang jadi *manager* [pengurus], Honda ke? Boon Siew? Dia tak sekolah, menulis nama dia pun dia tak tahu. Kenapa dia boleh berjaya? Sebab itulah datuk pesan pada anak-anak Melayu, pada orang yang nak berusaha. Tadi mula-mula pun datuk *dah* [sudah] cakap. Kalau habis *je* [sahaja] sekolah, fikirkan, nak makan gaji ataupun nak berniaga. Kalau nak makan gaji, takat *tu* [itu], dapat gaji yang *tak* [tidak] sampai *sepuluh ribu* [RM10,000]. Kalau nak jadi *manager* [pengurus] bank, mungkin boleh setakat *dua puluh ribu* [RM20,000] *je* [sahaja] boleh dapat. Kalau nak jadi *pilot* [juruterbang] boleh dapat *dua puluh ribu*

[RM20,000]. *Tapi* [Tetapi] kalau dah mati payah nak cari (gelak). Jadi *pilot* [juruterbang] kan, baru dapat *empat ribu* [RM4,000], *lima ribu* [RM5,000]. *Tapi* [Tetapi] kalau kita usaha lain, ia dapat dedahkan kebolehan kita. Itu mungkin datuk kalau selalu---. Siapa yang jumpa datuk, *ni* [ini] ada lagi budak-budak sekolah nak datang jumpa datuk. Dua tahun lepas, dia buat thesis *kat* [di] sini. Nanti nak jumpa datuk lagi, tak tahu bila. Dia *dah* [sudah] hantar surat. Datuk pesan, kalau kamu nak belajar, belajar habis-habis. Mesti ambil *PhD* [Sarjana Kedoktoran] dan mesti kedoktoran. Kedoktoran yang ada perniagaan. Kalau jadi *lawyer* [peguam] mesti ada firm [firma]. Jangan makan gaji. Buat *firm lawyer* [firma guaman]. Cari perusahaan. Tolong orang-orang---. Kita tengok Karpal Singh, macam mana dia *tu* [itu] contohnya. Apa cantiknya Karpal Singh? Entah, tapi berjayanya dia dalam bidang guaman dia. Nak jadi doktor? Jadi pakar doktor. Satu pakar doktor berapa dia punya gaji? Awak pergi dekat Hospital Putri. *Tiap-tiap* [Setiap] dalam *tu* [itu] ada *department* [bahagian] lain. *Department* [bahagian] bedah lain, *department* [bahagian] mata lain, *department* [bahagian] perut lain, kepala lain. Dia punya pendapatan satu bulan *tak* [tidak] kurang daripada *seratus dua puluh lima ribu* [RM125,000] satu bulan– tunai. Cuba bayangkan *seratus dua puluh lima ribu* [RM125,000] punya duit. Kamu dah pernah tengok *seratus dua puluh lima ribu* [RM125,000] punya duit? Ataupun *dua ratus ribu* [RM200,000] pernah tengok? *Seratus ribu* [Rm100,000] pernah tengok? *Lima puluh ribu* [RM50,000] pernah tengok? Tak pernah sebab sekolah lagi kan. Dia *seratus dua puluh lima ribu* [RM125,000] sebulan satu

bidang. Itu bidang pembedahan. Kalau bedah otak? Bayaran dia lain. Kalau nak jadi doktor mesti jadi doktor pakar. Kalau nak jadi *lawyer* [peguam] mesti jadi *lawyer* [peguam] yang buat *firm* [firma]. Jangan buat klinik-klinik *je* [sahaja]. Bina hospital sendiri. Itu datuk punya pendapat. Kalau nak berjaya kumpulkan kawan-kawan kita yang jadi doktor, kita buat hospital sendiri. Nanti kalau nak buat datuk boleh ajar, macam mana nak berniaga dalam kedokteran. Datuk boleh ajar. Kalau malas nak buat *tu* [itu], nak jual goreng pisang, boleh jual goreng pisang. *Tapi* [Tetapi] bukan takat warung, mesti buat satu restoran jual goreng pisang sahaja. Maknanya orang datang khas untuk makan goreng pisang *je* [sahaja]. Macam mana nak buat goreng pisang *special* [istimewa]. *Tapi* [Tetapi] janganlah satu biji goreng pisang dipotongnya lapan, jual *dua puluh sen* [RM0.20] satu. Ini orang kampung kata cekik darah (bunyi telefon).

NL : **Okay, ini soalan terakhir. Sebagai pengusaha bumiputra, apa harapan Datuk dalam perniagaan ini untuk masa akan datang?**

DJ : Besarlah. Datuk letakkan sekurang-kurangnya Jalen Sdn. Bhd. *ni* [ini] ada empat puluh jenis. Maknanya tujuh orang yang jadi tunggak selepas datuk *takde* [tiada] dia akan--- dan anak, bapa-bapa, emak-emak dia yang ada di sini akan meneraju anak dia untuk menjalankan wasiat datuk dia. Ini memang datuk war-warkan. Ini satu contoh lah, Yeo Hiap Seng. Yeo Hiap Seng *tu* [itu] *dah* [sudah] *takde* [tiada] dah. Berapa umur syarikat Yeo Hiap Seng? Dah beratus tahun, seratus

lima puluh tahun. Sekarang seluruh Malaysia *dah* [sudah] ada Yeo Hiap Seng. Datuk nak popularkan Jalen *ni* [ini] seluruh Malaysia khususnya pada orang Melayu. Datuk *tak* [tidak] target pada orang kaya *tapi* [tetapi] datuk target pada orang miskin, orang yang mampu beli. Sebab datuk punya kicap jauh beza dengan kicap orang lain. Kalau ikut mutu, datuk punya produk ada mutu. Mutu sama dengan orang lain punya tapi datuk boleh jual murah. Kerana datuk tidak memandang kepada kebendaan, datuk mahukan kesyukuran. Kerana Allah janji, “sesiapa yang menolong orang-orang susah, dia akan Aku bantu”. InsyaAllah, itu janji Allah. Allah *tak* [tidak] pernah mungkir janji Dia. Itulah cerita datuk. Maknanya kalau *dah* [sudah] sampai empat puluh jenis pengeluaran daripada Jalen Sdn. Bhd. –hebat. *Ni* [ini] baru tujuh belas. Itu hari ada orang suruh buat burger, saya kata, saya *tak* [tidak] minat. Jangan ambil orang punya. Datuk *tak* [tidak] suka ambil orang punya. Maknanya burger *tu* [itu] ada Ramly, orang Cina punya burger tapi walaupun kicap *ni* [ini] ada orang Cina dan Melayu punya tapi datuk nak cuba buat satu jalan apa yang orang lain *tak* [tidak] buat, datuk nak buat. Datuk juga cuba nak menolong untuk memajukan orang. (Batuk). Contoh, ada pengusaha keropok di Terengganu. Keropok *tu* [itu] dah tiga puluh tahun dah. Datuk pergi untuk nak menolong dia kerana masa *tu* [itu] datuk ada tiga puluh buah bank, sekarang ada lima puluh buah bank. Kalau kita masukkan keropok dia *tu* [itu], kita dapat menolong orang melayu tapi bila datuk tengok sendiri ianya kotor, datuk *tak* [tidak] tolong. Datuk kalau nak cakap dengan kau nanti kau tak makan keropok pulak (gelak). Datuk pergi



sendiri kilang dia. Datuk ada saksi kilang dia kotor. Dia dah golek-golek dengan *machine* [mesin], benda *tu* [itu] jatuh atas simen, simen *tu* [itu] macam kicap kotornya. Berlendir. Dia angkat balik, letak atas, golek balik. Benda *tu* [itu] kotor. Serupa juga dengan kicap tadi, kalau datuk kekal beli air kicap dengan Cina yang datuk katakan tadi, dia kaya tapi datuk yang bertanggungjawab atas kebersihan, halal dan haram. Nanti lah insyaAllah kalau kamu ada umur, ada rezeki, kalau ada bidang perniagaan, boleh *join* [gabung] dengan datuk. Sama ada kamu nak buat sendiri, datuk boleh jadi *advisor* [penasihat]. Berniaga lebih baik dari makan gaji. Keberkatannya lebih baik. Kalau kamu nak macam datuk pakai kereta Mercedes, baik berniaga. Kalau nak makan gaji, susahlah. Kamu ambil jurusan apa?

NL : **Pengurusan sistem maklumat.**

DJ : Pengurusan? Pengurusan tu apa kerja dia?

NL : ***System Analyst* [Penganalisa sistem]. *Software Engineer* [Jurutera perisian].**

DJ : *Engineer* [Jurutera] ni berapa gaji boleh dapat? Kalau mula masuk dapat *dua ribu* [RM2,000]? Berapa tahun nak naik *tiga ribu* [RM3,000]? Maknanya lambat. Agaknya kamu kerja sepuluh tahun belum dapat *sepuluh ribu* lagi [RM10,000]. Habis tinggi pun naik *lima ribu* [RM5,000]. Masa akan datang,

*environment* [persekitaran] kita ataupun kos akan lagi tinggi. Jawabnya kalau *lima ribu* [RM5,000] kau tak kahwin. *Tak* [Tidak] boleh kahwin. Kalau nak kahwin kena mintak bantuan. Itu contohnya. Berniaga lah. Dia punya keberkatan sangat baik. Kalau datuk nak katakan rahsia, perniagaan ni mewah, memang mewah. Datuk bayar satu Mercedes *enam ribu* [RM6,000] sebulan. BMW tu dekat *lima ribu* [RM5,000] sebulan. Audi tu *lima ribu* sebulan [RM5,000]. Semua hutang lagi. Bila nak habis esok, datuk tukar lagi kereta, (gelak) hutang lagi. Itu contohnya. Semasa datuk beli Audi, Murano yang sebelum *tu* [itu] baru lagi. Belum cacat apa pun datuk *dah* [sudah] tukar. Pasal datuk fikir datuk dah tua, nak rasa yang baik-baik sedikit. Kamu muda-muda *takpe* [tidak mengapa] lah. Pakai basikal pun *takpe* [tidak mengapa]. Tapi tak kan kamu nak pakai basikal. Mesti tanam satu cita-cita, “aku nak ikut Datuk Jalil”. Datuk sentiasa bagi nasihat. Kalau kamu nak meneruskan usaha kamu, datanglah jumpa datuk bila-bila masa -kecuali pukul dua belas malam lah (gelak), datuk dah tidur. Tapi kalau siang hari datuk ada rumah sampai tengahari, sembahyang zohor lepas *tu* [itu] baru datuk masuk kerja. Pagi memang ada rumah. Datuk habiskan sisa-sisa hidup datuk baca Al-quran, baca Yassin dan beribadah. Datuk daripada subuh sampai pukul sepuluh, datuk *tak* [tidak] tidur. Lepas *tu* [itu] tidur sekejap dalam satu jam, baru bangun, mandi, sarapan. Itulah sisa-sisa hidup datuk. Mudah-mudahan datuk cergas dalam pemikiran walaupun datuk *dah* [sudah] tua. Datuk berdoa pada Allah SWT supaya cergas dalam pemikiran, dapat membantu anak-anak datuk dan orang

lain juga. Sesiapa yang memerlukan bantuan, datuk sediakan. Itu cita-cita datuk lah. Datuk tidak akan lokek untuk memberi pendapat walaupun pendapat datuk *tu* [itu] tidak ada dalam hukum. *Tapi* [Tetapi] pengalaman yang datuk lakukan, peniru meniru bangsa-bangsa lain berjaya-----. Pandang orang Cina yang kaya raya *tu* [itu], tanya-tanya, dia *tak* [tidak] sekolah tinggi. Tapi dia bercita-cita, berazam untuk berjaya. Itu sahaja lah. Ada lagi?

**NL : Terima kasih Datuk kerana sudi berkongsi pengalaman Datuk sepanjang Datuk menjalankan perniagaan ini. Jadi, itu sahaja soalan dari kami. Terima kasih kami ucapkan kepada Datuk.**

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

Terima kasih diucapkan kepada Datuk kerana sudi meluangkan masa bersama kami. Maka berakhirlah sesi temuramah bersama Datuk pada hari ini.

## RUJUKAN

Datuk Hj. Ab Jalil bin Hj.Long (2014, April 14). Pendokumentasian Sejarah Lisan . (Noor Liyana Mohd Zin, Interviewer)

*Jalen :: About Us.* (2012). Retrieved from Jalen Web site:  
<http://www.jalen.com.my/usr/page.aspx?pgid=2>

# LAMPIRAN

# LOG WAWANCARA

Noor Liyana dan Nor Aquissya telah menemubual Datuk Hj Ab Jalil B Hj Long, yang dilahirkan pada 1938, di Melaka. Temubual dijalankan di syarikat beliau di Johor Bahru, Johor, mengenai pengalaman sepanjang menceburi bidang perniagaan.

| MASA                              | SUBJEK                             | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN                                  |
|-----------------------------------|------------------------------------|--|
| <b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b> |                                    |  |
| 0:25                              | Latar belakang tokoh               | 1. 27 Jun 1938<br>2. Masjid Tanah, Melaka            |
| 1:30                              | Latar belakang keluarga tokoh      | 1. 7 orang cahaya mata<br>2. Johor Bahru, Johor      |
| <b>BAHAGIAN 2: KERJAYA</b>        |                                    |  |
| 7.05                              | Kerjaya awal tokoh                 | 1. Askar<br>2. Singapura                             |
| 9.45                              | Penubuhan Jalen Sdn. Bhd.          | 1. 25 November 1981<br>2. Skudai, Johor              |
| <b>BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN</b>     |                                    |  |
| 1:27:45                           | Anugerah Usahawan Berjaya Malaysia | 1. Johor Bahru, Johor                                |
| 1:28:38                           | Anugerah Gelaran Datuk             | 1. Melaka  |
| <b>BAHAGIAN 4: PENGALAMAN</b>     |                                    |  |
| 1:48:20                           | Harapan tokoh                      | 1. Empat puluh jenis produk keluaran Jalen Sdn. Bhd. |

# Senarai Soalan Temuduga

## 1.0 Latar Belakang Tokoh

1. Assalamualaikum. Sekarang kita bersama Datuk Jalil di Johor Bahru. Beliau merupakan seorang pengusaha produk Jalen yang sudah pasti dikenali ramai.
2. Apakah nama penuh Datuk?
3. Apakah nama gelaran Datuk?
4. Datuk berasal dari mana dan di mana tempat lahir Datuk?
5. Bilakah Datuk dilahirkan?
6. Umur Datuk sekarang?
7. Boleh Datuk ceritakan serba sedikit tentang keluarga Datuk seperti bilangan adik-beradik dalam keluarga.
8. Boleh Datuk ceritakan pula tentang latar belakang pendidikan Datuk?
9. Apakah taraf pendidikan Datuk?
10. Boleh Datuk ceritakan bagaimana pendidikan pada zaman itu?
11. Bilakah Datuk mendirikan rumah tangga?
12. Apakah nama isteri Datuk?

13. Berapakah bilangan anak hasil dari perkahwinan Datuk dan isteri?
14. Berapa lelaki dan berapa perempuan?
15. Adakah mereka semua sudah berkahwin?
16. Kalau tidak keberatan, boleh Datuk ceritakan serba sedikit tentang anak-anak Datuk?
17. Adakah semua anak-anak Datuk menetap di rumah ini?
18. Berapa orang cucu Datuk?
19. Jika ada masa lapang, apakah aktiviti yang Datuk lakukan?
20. Bagaimana Datuk menghabiskan masa di waktu lapang bersama keluarga?

## 2.0 Kerjaya Tokoh

1. Apakah pekerjaan pertama Datuk?
2. Boleh Datuk ceritakan serba sedikit tentang pekerjaan yang Datuk pernah lakukan?
3. Bilakah Datuk mula menjalankan perniagaan?
4. Adakah Datuk memang minat dalam bidang ini?
5. Adakah Datuk mempunyai pengalaman tentang bidang perniagaan?



6. Adakah ini perniagaan keluarga atau dalam erti lain perniagaan warisan turun-temurun?
7. Adakah Datuk pengasas produk Jalen?
8. Bagaimana Datuk boleh mula menceburi bidang ini?
9. Bila syarikat Datuk ditubuhkan?
10. Di manakah lokasi awal perniagaan Datuk?
11. Adakah lokasi kilang Datuk sekarang masih berada di tempat yang sama?
12. Adakah syarikat Datuk mempunyai cawangan lain?
13. Boleh Datuk ceritakan serba sedikit mengenai modal untuk memulakan perniagaan ini?
14. Adakah Datuk mendapat sebarang bantuan dari mana-mana pihak?
15. Apakah cabaran-cabaran yang Datuk hadapi semasa ingin memulakan perniagaan?
16. Pernahkah Datuk rasa berputus asa sepanjang menceburi bidang ini?
17. Siapakah yang menjadi pendorong atau tulang belakang sepanjang Datuk menceburi bidang perniagaan ini?
18. Pada awal perniagaan, berapakah bilangan perkerja Datuk?
19. Berapa lelaki dan berapa perempuan?

20. Adakah Datuk memperolehi keuntungan yang berbaloi/balik modal pada awal perniagaan/5 tahun pertama?
21. Berapakah peralatan yang Datuk gunakan pada awal perniagaan?
22. Jika tidak keberatan, berapakah anggaran kos bagi semua peralatan yang digunakan di awal perniagaan Datuk?
23. Dari manakah datang idea untuk menamakan produk Datuk iaitu Jalen?
24. Apakah produk pertama keluaran Jalen?
25. Sehingga kini, berapa jenis produk Jalen telah keluarkan?
26. Adakah semua resipi datangnya dari Datuk atau mungkin ianya resipi turun temurun?
27. Bagaimana Datuk memastikan semua produk keluaran Jalen mempunyai kualiti yang tinggi?
28. Seperti yang kita tahu, produk Jalen adalah salah satu produk yang terkemuka, apakah strategi Datuk dalam memasarkan semua produk Jalen?
29. Adakah bantuan media digunakan untuk memasarkan produk Jalen?
30. Adakah anak-anak Datuk terlibat dalam membantu perniagaan ini?
31. Adakah perniagaan ini akan menjadi warisan turun-temurun?
32. Adakah Datuk mempunyai pesaing sepanjang Datuk menjalankan bidang perniagaan?

33. Apakah langkah yang Datuk ambil untuk mengatasi pesaing yang ada?
34. Adakah Datuk pernah terfikir bahawa Datuk akan berjaya seperti sekarang dengan menceburi bidang ini?
35. Adakah Datuk terfikir untuk mempelbagaikan lagi produk Datuk?
36. Setelah melihat potensi dalam bidang ini, apakah langkah seterusnya yang Datuk akan lakukan untuk jangka masa pendek dan untuk jangka masa panjang?
37. Pernahkah Datuk bercadang untuk memasarkan produk Jalen di pasaran antarabangsa?
38. Siapakan yang akan meneruskan legasi perusahaan Jalen pada masa akan datang?
39. Sebagai pengusaha bumiputra, apakah harapan Datuk dalam perniagaan ini untuk masa akan datang?
40. Adakah Datuk mempunyai pesanan untuk peniaga-peniaga Melayu di luar sana yang ingin menceburi bidang seperti ini?

### 3.0 Pencapaian Tokoh

1. Selama berkecimpung dalam bidang perusahaan, apakah pencapaian terbesar yang pernah Datuk dapat?
2. Seperti yang diketahui, Datuk ini bergelar Datuk. Jadi, boleh saya tahu sejak bila Datuk mendapat gelaran Datuk?

3. Apakah perubahan yang dapat dilihat dari segi kehidupan/ekonomi Datuk sejak Datuk menceburi bidang ini?
4. Selain dari perusahaan ini, adakah Datuk mempunyai perniagaan lain?
5. Adakah Datuk mempunyai cawangan lain selain daripada di sini?
6. Adakah Datuk terfikir mahu mengembangkan perusahaan Datuk?
7. Seperti yang sedia maklum, jenama ini dikenali ramai oleh penduduk Malaysia. Jadi, selain daripada Malaysia, adakah negara lain yang turut mengenali jenama Jalen ini?
8. Tidakkah Datuk terfikir untuk mengembangkan lagi jenama ini ke pasaran negara lain?
9. Pada tahun 2013, Datuk telah dianugerahkan sebagai Tokoh Usahawan pada majlis penutupan Showcase Satu Daerah Satu Industri di Plaza Angsana, Johor Bahru bukan?
10. Jadi, apakah perasaan Datuk apabila dianugerahkan sebagai Tokoh Usahawan pada ketika itu?
11. Boleh Datuk cerita sedikit mengenai majlis tersebut?
12. Apakah hadiah atau ganjaran yang diberi untuk anugerah tersebut?
13. Selain daripada Tokoh Usahawan, adakah anugerah lain yang Datuk perolehi?

14. Saya dengar pihak Datuk kerap kali juga mengadakan program untuk penduduk-penduduk yang berada di sekitar sini contohnya seperti ceramah agama. Jadi, boleh Datuk ceritakan sedikit program-program yang pernah dianjurkan?
15. Setakat ini, antara program-program tersebut, apakah program terbesar yang Datuk pernah anjurkan?
16. Berapa ramai agaknya yang terlibat di dalam program tersebut?
17. Adakah dengan mengadakan program-program tersebut, ia merupakan salah satu cara Datuk berdakwah dan membantu sesama umat Islam?
18. Adakah Datuk akan perbanyakkan lagi program-program seperti itu? Dimana secara tidak langsung akan menarik lebih ramai orang menyokong produk Datuk. Ye tidak?
19. Jadi dalam masa terdekat ini, adakah Datuk mempunyai perancangan ataupun sudah merancang untuk menganjurkan lagi program yang melibatkan orang ramai?

#### 4.0 Pengalaman Tokoh

1. Adakah Datuk pernah mengalami pengalaman pahit sepanjang Datuk menceburi bidang perniagaan ini?
2. Boleh Datuk ceritakan sedikit tentang pengalaman Datuk itu?

3. Apakah pula pengalaman yang Datuk rasa paling memberi kesan positif terhadap perusahaan Datuk?
4. Selama Datuk megusahakan perusahaan ini, pernahkah Datuk mengalami kerugian?
5. Bagaimana Datuk mengatasi turun naik dalam perusahaan Datuk?
6. Siapakah yang banyak membantu Datuk mengatasi masalah-masalah dalam perusahaan Datuk?
7. Seperti yang kita tahu, Datuk pernah menyertai Showcase Satu Daerah Satu Industri di mana ia dapat membantu mempromosikan jenama Jalen. Selain daripada itu, apakah lagi program yang pernah Datuk sertai bagi membantu mempromosikan jenama produk Datuk?
8. Bagaimana pula dengan pengalaman apabila menyertai pertandingan seperti itu?
9. Apakah kesan yang paling ketara kepada syarikat setelah menyertai pertandingan seperti itu?
10. Adakah ia turut membantu supaya produk Datuk lebih dikenali ramai?
11. Kebiasaanya, pengusaha seperti Datuk ini akan pergi ke kursus untuk menimba ilmu lebih tentang perniagaan. Jadi, saya percaya Datuk pernah menghadiri kursus-kursus seperti itu bukan?
12. Boleh Datuk ceritakan sedikit mengenai kursus-kursus yang pernah Datuk hadiri?

13. Setakat ini, kursus terjauh yang Datuk pernah hadiri?
14. Dan kursus yang paling memberi kesan kepada Datuk terhadap perusahaan Datuk?
15. Kebiasannya, berapa lama kursus perniagaan seperti itu diadakan?
16. Berapa pula kadar bayaran atau yuran yang dikenakan untuk sesuatu kursus itu?
17. Dengan input yang diperolehi, adakah ianya setara dengan kadar bayaran yang dikenakan untuk menghadiri kursus seperti itu? Atau ada juga yang tidak mencapai apa yang Datuk inginkan?
18. Boleh Datuk beri sedikit tips yang berguna berdasarkan pengalaman Datuk untuk dikongsikan kepada anak-anak muda yang baru berjinak-jinak terhadap bidang perusahaan di luar sana?
19. Boleh Datuk berkongsi tentang ciri-ciri atau sikap yang ada dalam diri Datuk sebagai seorang usahawan yang berjaya?
20. Apakah harapan Datuk dalam bidang perniagaan pada masa akan datang?
21. Apakah rancangan jangka masa panjang Datuk untuk mengembangkan lagi perusahaan Datuk?



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... **DATUK HJ AB JALIL B. HJ LONG** ..... Pada ..... **14 APRIL 2014** .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... **14 APRIL 2014** ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)  
Datuk Hj. Abdul Jalil Bin Hj Long,  
Pengusaha Jalen Sdn. Bhd.

r. Hj. Ghazali Bin Osman,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.





**Gambar 1: Gambar kenangan bersama pemilik Syarikat Jalen Sdn. Bhd.**



**Gambar 2: Sesi pemberian cenderahati kepada tokoh.**



**Gambar 3: Gambar kenangan bersama tokoh.**

# INDEKS

---

## *B*

Bank · 17  
Bantuan · 16, 17, 27, 50  
Bumiputra · 48

---

## *C*

Cawangan · 10, 16, 27, 43

---

## *H*

Harapan · 48

---

## *J*

Jalen · 2, 24, 25, 27, 29, 35, 36, 48  
Johor Bahru · 8, 19, 24

---

## *K*

Karier · 8, 15  
Kejayaan · 38, 41  
Kicap · 9, 10, 15, 16, 17, 18, 23, 24, 25,  
27, 29, 30, 35, 48  
Kualiti · 25, 26

---

## *M*

MARA · 17, 38, 41, 45  
MBJB · 19  
Melaka · 3, 38  
Melayu · 4, 8, 9, 10, 18, 21, 30, 33, 35, 38,  
45, 48  
Modal · 9, 10, 15, 17, 35

---

## *N*

NGO · 6

---

## *P*

Pendapatan · 15, 29, 45  
Pengalaman · 9, 10, 16, 17, 27, 50, 51  
Pengedar · 21  
Perniagaan · 10, 16, 17, 18, 19, 21, 23, 29,  
30, 33, 38, 45, 48, 50, 51  
Produk · 2, 24, 25, 27, 34, 36, 48  
Program · 41, 43

---

## *S*

Sos · 15, 23, 33, 35

---

## *T*

Tokoh · 41, 45